

Buletin Khas  
SEMPENA



مَوْلِدُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

مَوْلِدُ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

# MAULIDUR SAW 1446H 2024M RASUL



“KEPERIBADIAN  
RASULULLAH SAW  
ASAS PEMBINAAN  
GENERASI MADANI”



جَابْتَنْ كَمَاجْوَانْ إِسْلَامْ مَالَيْسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**والْغَمَامَةُ قَدْ أَظَلَّتْ**  
اغلاکا و دقاویو غشی اوون ۋۇتىھە  
**وَالْمَلَائِكَةَ صَلَوَا عَلَيْكَ**  
داعې يېشى دعا ئارا ملانىڭ  
**عَالَمُ السِّرَّ وَأَخْفَى**  
الله مۇتاھوھىي رەھسيا ترسيرىت  
**مُسْتَجِيبُ الدَّعَوَاتِ**  
دى مۇرکىن سىكلا دعاء  
**رَبَّ ارْحَنَا جَمِيعًا**  
واھاي توھن رەختىلە كامى  
**بِجَمِيعِ الصَّالَاتِ**  
دەش سىكلا اعمل صالح  
**وَصَلَةُ اللَّهِ عَلَىٰ أَحَدٍ**  
الله بىرصلوات كاتس محمد  
**عَدَ تَحْرِيرِ السُّطُورِ**  
سباق باريس كرتس دتولىس  
**أَحَمَدُ الْهَادِي مُحَمَّدٌ**  
سېبايىق - بايىق ۋوجيان بىمباوا  
قوېنۇق يالىلە محمد  
**صَاحِبُ الْوَجْهِ الْمُنِيرِ**  
يېڭىقىبايى وجه بىرسىرى ماناون  
**اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَارِكُ عَلَيْهِ**  
يا الله صلوات دان سلام سرتا بىكتىلە كاتسنىش

**أَنْتَ شَمِسٌ أَنْتَ بَدْرٌ**  
كاولە ما تاھارى كاولە بولن  
**أَنْتَ نُورٌ فَوْقَ النُّورِ**  
كاولە چەھاي مۇئاشى چەھاي  
**أَنْتَ إِكْسِيرٌ وَغَالِيٌّ**  
كاولە رەھسيا ھيدوف موليا  
**أَنْتَ مَصْبَاحُ الصُّدُورِ**  
كاولە اوپور مپولوھ جىوا  
**يَا حَنِيفِي يَا مُحَمَّدُ**  
واھاي كاسىھىك واهاي محمد  
**يَا عَرْوَسَ الْخَاقِينَ**  
واھاي ئىشتىن انده مىكىت  
**يَا مُؤَيَّدِي يَا مُبَدِّدِي**  
واھاي نېي واهاي يېڭىچىلۇق  
**يَا إِمَامَ الْقَبْلَتَيْنِ**  
واھاي إمام دوا قبلە  
**مَنْ رَأَىٰ وَجْهَكَ يَسْعَدُ**  
بها كىالە او رېغىمۇندۇچ وجمهو  
**يَا كَرِيمَ الْوَالَّدِينِ**  
واھاي قىھۇلۇ بر كىتونن موليا  
**حَوْضُكَ الصَّافِي الْمَبَرَّ**  
كۆمۈرمۇس جىرقىزىنە  
**وَرَدُّنَا يَوْمَ النُّشُورِ**  
ئىقتى كامى مىنۇم دەھارى أخىر  
**مَارَ أَيْنَا الْعِيشَ حَنَّتْ**  
تىدق فېرە تىلىھە او تىا بىرجالان  
**بِالسُّرْرَى إِلَيْكَ**  
سەتىجىڭ مامىنندو كىن توان

**صَلَّى اللَّهُ عَلَىٰ مُحَمَّدٍ**  
الله بىرصلوات (سموک الله مېرىيىك)  
برىكت دان رحمة (كاتس محمد)  
**صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ**  
الله بىرصلوات (سموک الله مېرىيىك) بىركت  
دان رحمة (دان سلام) كاتسنىش  
**يَا نَبِيٌّ سَلَامٌ عَلَيْكَ**  
واھاي نېي سلام آتسىمو  
**يَا رَسُولَ سَلَامٌ عَلَيْكَ**  
واھاي رسول سلام آتسىمو  
**يَا حَنِيفُ سَلَامٌ عَلَيْكَ**  
واھاي كاسىھى سلام آتسىمو  
**صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَيْكَ**  
الله بىرصلوات (سموک الله مېرىيىك) بىركت  
دان رحمة (كاتس محمد)  
**أَشْرَقَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا**  
بولن قۇرۇن مېسىزى كىت  
**فَأَخْتَقَتْ مِنْهُ الْدُّورُ**  
ھىلە لېش سىكلا دوكا  
**مِثْلُ حُسْنِنَا مَا رَأَيْنَا**  
ايندە ماناون تىدق فېرە دېتىنە  
**قَطُّ يَا وَجْهَ السُّرُورِ**  
واجه كېمىرا سەتىجىڭ حىاة

# *Kandungan*

## BULETIN KHAS MAULIDUR RASUL SAW 1446H - 2024M

KEPERIBADIAN RASULULLAH SAW ASAS PEMBINAAN GENERASI MADANI	4
BIOGRAFI RASULULLAH SAW	6
KESEDERHANAAN DALAM KEHIDUPAN RASULULLAH SAW	7
TELADANILAH NILAI-NILAI MURNI RASULULLAH SAW	10
KEBERANIAN DAN KETEGASAN RASULULLAH SAW DALAM MENGHADAPI RINTANGAN DAKWAH	12
PENGARUH RASULULLAH SAW DALAM PERADABAN DUNIA	15
KESETIAAN DAN PENGORBANAN HANYA UNTUKMU RASULULLAH SAW	18
CINTA DAN KASIH SAYANG RASULULLAH SAW TERHADAP UMATNYA	21
3 LANGKAH MENGASIHI MANUSIA TERAGUNG RASULULLAH SAW	22

## SIDANG REDAKSI:



**PENAUNG:**  
Datin Paduka Hajah Hakimah Binti Mohd Yusoff  
(Ketua Pengarah JAKIM)



**PENASIHAT:**  
Dr. Haji Ruslan Bin Said  
(Timbalan Ketua Pengarah  
(Operasi JAKIM))



**KETUA PENGARANG:**  
Azman Bin Mat Hassan  
(Pengarah Bahagian Penerbitan,  
JAKIM)



**PENGARANG:**  
Khairul Azman bin Azizan



**PENOLONG PENGARANG:**  
Nur Madihah Binti Rakes Junaidi



**PENYUNTING:**  
Mohamad Zahir Bin Abdul Halim



**PENGURUS EDARAN:**  
Nurul Widymirza Binti Sujan@Jan



**PEMBANTU EDARAN:**  
Husna Salsabila Binti Mohd  
Al'Ikhsan

**REKABENTUK:**  
Percetakan Norfatimah Sdn.Bhd

# KEPERIBADIAN RASULULLAH SAW ASAS PEMBINAAN GENERASI MADANI

Rasulullah SAW merupakan suri teladan utama bagi umat Islam dalam pelbagai aspek kehidupan. Keperibadian Baginda yang unggul dan mulia bukan sahaja menjadi sumber inspirasi, tetapi juga asas penting dalam pembinaan generasi MADANI.

Firman Allah SWT di dalam Surah al-Ahzab (33:21):

**" Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu contoh teladan yang terbaik (iaitu) bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat dan banyak menyebut serta mengingati Allah (dalam masa susah dan sen**

Ayat ini menekankan bahawa Rasulullah SAW adalah sebagai contoh teladan terbaik yang mempunyai kaitan kuat dengan konsep Masyarakat Madani. Masyarakat Madani merujuk kepada sebuah komuniti yang dibentuk atas asas-asas keadilan, kesejahteraan dan keseimbangan, di mana nilai-nilai kemanusiaan dan akhlak yang mulia dijadikan panduan. Seorang ahli astrophizik barat yang bernama Michael H Hart, turut mengangumi ketokohan Rasulullah sebagai manusia paling berpengaruh di dunia sepanjang zaman sepetimana yang tercatat dalam bukunya yang bertajuk : 'The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History'. Oleh itu, marilah sama-sama kita menelusuri keperibadian Rasulullah SAW untuk dijadikan panduan dalam membentuk masyarakat berteraskan nilai-nilai Islam yang luhur.

## KEPIMPINAN YANG ADIL DAN BIJAKSANA

Rasulullah SAW dikenali sebagai pemimpin yang adil dan bijaksana. Dalam setiap keputusan yang diambil, Baginda selalu mengutamakan prinsip keadilan dan kebijaksanaan. Allah SWT berfirman dalam Surah An-Nisa' (4:58):

**"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyerahkan Amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menetapkan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhan-Nya itu) memberikan sebaik-baik pengajaran kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat"**



**Anotasi**  
Pengarang

**Khairul Azman bin Azizan**  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Penerbitan, JAKIM

Ayat ini menunjukkan betapa pentingnya menetapkan suatu keputusan dengan adil, yang merupakan salah satu ciri utama dalam kepimpinan Rasulullah SAW. Kepimpinan Baginda bukan hanya melibatkan aspek spiritual tetapi juga sosial, ekonomi, dan politik. Contoh yang paling jelas adalah semasa Baginda menguruskan pelbagai masalah di Madinah, di mana Baginda memutuskan sesuatu perkara dengan mengambil kira kepentingan umat secara keseluruhan.

## BERSIKAP RENDAH DIRI

Merendah diri adalah satu sifat terpuji yang diajar oleh Rasulullah SAW. Kita dapat melihat walaupun Baginda adalah seorang pemimpin agung, Baginda tetap bersikap sederhana dan tidak sompong. Keperibadian ini memberikan teladan penting kepada seluruh umat Islam agar mereka tidak bersikap angkuh tetapi sebaliknya hendaklah sentiasa bersikap tawadhu'. Dalam Surah Al-Furqan (25:63), Allah SWT berfirman:

**"Dan hamba-hamba Tuhan Yang Maha Pemurah itu ialah mereka yang berjalan di bumi dengan rendah hati dan apabila orang yang kurang beradab menyapa mereka (dengan kata-kata yang menghina), mereka mengucapkan salam"**

Ayat ini menunjukkan betapa pentingnya sikap rendah diri dalam kehidupan seorang mukmin, yang perlu dicontohi daripada Rasulullah SAW. Dalam konteks Masyarakat Madani, sifat rendah diri ini membantu dalam menjalin hubungan yang harmonis dan menggalakkan kerjasama yang baik dalam kalangan masyarakat.

## KEBERANIAN DAN KETABAHAN

Keberanian dan ketabahan Rasulullah SAW dalam menghadapi pelbagai cabaran merupakan satu aspek yang sangat penting dalam membentuk generasi Madani. Baginda tidak pernah berundur walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan dugaan. Salah satu contoh keberanian dan ketabahan Rasulullah SAW adalah ketika Baginda pergi ke Ta'if untuk berdakwah. Meskipun Baginda menghadapi penolakan yang keras, bahkan dilempari batu oleh anak-anak dan penduduk Ta'if, Baginda tetap bersabar dan tidak menyerah. Peristiwa ini menggambarkan keteguhan Baginda dalam

menghadapi rintangan dakwah. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Ankabut (29:69):

**“Dan orang yang berjihad dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, maka Kami akan tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan). Dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah diberikan kepada orang yang berbuat baik”**

Ayat ini menggariskan bahawa mereka yang berusaha dan bersabar dalam perjuangan akan mendapat petunjuk dari Allah SWT. Ketabahan serta petunjuk ini memberikan semangat kepada umat Islam untuk terus berusaha dan berjuang dalam menghadapi segala cabaran dalam kehidupan, serta memastikan kejayaan dalam segala usaha yang dilakukan.

### DEDIKASI TERHADAP PENDIDIKAN

Rasulullah SAW memberikan penekanan yang tinggi terhadap pengajaran dan pendidikan. Baginda sentiasa berusaha untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan mendidik umatnya dengan nilai-nilai Islam yang benar. Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

**“Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga” (Sahih Muslim: 2699)**

Hadis ini menunjukkan betapa pentingnya pendidikan dalam membentuk individu yang berilmu dan berakhhlak mulia, serta mencerminkan dedikasi Rasulullah SAW terhadap pengajaran dan pendidikan. Pembinaan generasi Madani memerlukan asas pendidikan yang kuat, dan keperibadian Rasulullah SAW menunjukkan betapa pentingnya pendidikan dalam membentuk individu yang berilmu dan berakhhlak mulia.

### KASIH SAYANG DAN LEMAH LEMBUT

Satu lagi ciri penting dalam keperibadian Rasulullah SAW adalah sifat kasih sayang dan lemah lembut. Baginda sentiasa menunjukkan sifat penyayang dan lembut lembut dalam pelbagai urusan, bagi setiap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang mereka. Firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran (3 :159):

**“Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah ruah) daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), kamu bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu). Dan sekiranya kamu bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Oleh itu, maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang dilakukan oleh mereka terhadapmu) dan mohonkanlah keampunan bagi mereka serta bermesyuaratlah dengan mereka dalam apa-apa urusan (peperangan dan soal keduniaan). Kemudian, apabila kamu telah berazam, maka bertawakallah kepada Allah. Maka sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakal kepada-Nya”**

Ayat ini menekankan sifat penyayang Rasulullah SAW yang meliputi semua makhluk. Hal yang demikian menunjukkan bahawa sikap kasih sayang ini sangat penting dalam mewujudkan suasana masyarakat yang harmoni. Kasih sayang dan keharmonian masyarakat merupakan elemen penting dalam pembinaan generasi Madani.

### KESIMPULAN

Keperibadian Rasulullah SAW adalah asas yang kukuh dalam pembinaan generasi Madani. Kepimpinan yang adil, sikap rendah hati, keberanian, dedikasi terhadap pendidikan, serta kasih sayang adalah ciri-ciri utama yang perlu diterapkan dalam masyarakat hari ini. Dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai teladan, kita dapat membentuk generasi yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik dan profesional, tetapi juga berakhhlak mulia dan berpegang teguh pada nilai-nilai Islam. Semoga dengan mengikuti jejak langkah Baginda Rasulullah SAW, kita dapat merealisasikan visi masyarakat Madani yang sejahtera dan harmoni.



# BIOGRAFI

## RASULULLAH SAW



Nur Madihah Binti Rakes Junaidi

Bahagian Penerbitan, JAKIM

<b>Nama</b>	: <b>Muhammad Bin Abdullah</b>
	Bin Abdul Muttalib Bin Hashim
<b>Tarikh Lahir</b>	: Hari Isnin pada waktu Subuh, 12 Rabiulawal bersamaan 20 April 571 Masihi (dikenali sebagai Tahun Gajah kerana peristiwa tentera bergajah Abrahan yang menyerang Kota Makkah)
<b>Tempat Lahir</b>	: Di rumah Abu Talib, Makkah Al-Mukarramah
<b>Nama Bapa</b>	: Abdullah Bin Abdul Muttalib Bin Hashim
<b>Nama Ibu</b>	: Aminah Binti Wahab Bin Abdul Manaf
<b>Pengasuh Pertama</b>	: Barakah Al-Habsyiyah (digelar Ummu Aimah, hamba perempuan bapa Rasulullah SAW)
<b>Ibu Susuan</b>	: Thuwaibah (hamba perempuan Abu Lahab) Halimah Binti Abu Zuaib As-Saadiah (lebih dikenali Halimah As-Saadiah, suaminya bernama Abu Kabsyah)
<b>Saudara Susuan</b>	: Dari Ibu Susuan (Thuwaibah) - Hamzah dan Abu Salamah Abdullah Bin Abdul Asad Dari Ibu Susuan (Halimah Al-Saiddiyah) - Abu Sufyan Bin Harith Bin Abdul Muttalib, Abdullah Bin Harith Bin Abdul 'Uzza, - Syaima Binti Harith Bin Abdul 'Uzza, Aisyah Binti Harith Bin Abdul 'Uzza
<b>Pekerjaan</b>	: Pengembala Kambing Peniaga
<b>Wafat</b>	: Hari Isnin pada waktu pagi, 12 Rabiulawal tahun ke 11 Hijrah bersamaan 633 Masihi (pada umur 63 tahun)

# Kesederhanaan Dalam Kehidupan Rasulullah SAW



Nurulashiqin Mahmud Zuhudi

Penolong Pengarah Kanan

Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM

Islam sebagai agama syumul mengalakkan umatnya untuk menjalani kehidupan secara sederhana. Rasulullah SAW selaku pemimpin ummah, mempraktikkan kesederhanaan dalam segenap urusan kehidupan Baginda yang sewajarnya dijadikan inspirasi buat kita semua dalam menjalani kehidupan kontemporari. Menembusi gaya kehidupan masyarakat pada hari ini yang mencari-cari titik keseimbangan antara materialistik dan kerohanian di celah-celah hirup piruk kehidupan, maka adalah tepat untuk melihat bagaimana Rasulullah SAW menjalani kehidupan dengan penuh kesederhanaan demi kesejahteraan dunia dan akhirat.

Kesederhanaan merupakan perkataan adjektif sederhana yang sinonim dengan maksud biasa, tidak lebih tidak kurang, ugahari, bersahaja, sedang, pertengahan, tidak keterlaluan dan berpatutatan<sup>1</sup>. Kesederhanaan ini boleh diterjemahkan kepada pelbagai aspek seperti gaya kehidupan peribadi, interaksi sosial, penggunaan sumber daya, pandangan hidup, penampilan diri dan seumpamanya yang menggambarkan bagaimana kita menjalani kehidupan sehari-hari. Ia juga merupakan prinsip kehidupan yang merasa cukup, tidak berlebihan mahupun terikat dengan perkara-perkara materialistik. Namun, ia tidaklah menjurus kepada sifat kikir dan bakhil sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Furqan ayat 67:

Maksudnya: “ Dan juga mereka (yang diredayai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tidaklah melampaui batas dan tidak bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”

Ayat ini menerangkan pemakaian elemen kesederhanaan dalam kehidupan iaitu apabila membelanjakan harta agar tidak berlebih-lebihan dan tidak pula menjurus kepada kikir atau bakhil tetapi yang terbaik adalah diantaranya iaitu bersederhana. Bersederhana dalam membelanjakan harta dengan mengaplikasi konsep mengutamakan keperluan

bukannya kehendak agar konsep cermat dan berhemat dapat dicapai sekaligus keberhasilan tingkah laku terpuji atau mahmudah<sup>2</sup> yang menjurus kepada keberkatan Ilahi. Menelusuri kehidupan bersederhana yang ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah SAW, kita sebagai umat terpilih sewajarnya mengambil ibrah semaksima mungkin dalam pelbagai aspek kehidupan yang ditunjukkan oleh Baginda.

## MENELUSURI KESEDERHANAAN RASULLULLAH SAW

Kajian-kajian cendekiawan mengkategorikan kehidupan bersederhana Rasulullah merangkumi gaya hidup peribadi, makan minum, harta benda atau kekayaan, pergaulan sosial dan kehidupan berkeluarga sebagaimana berikut:

### 1. Gaya Kehidupan Peribadi

Kesederhanaan gaya kehidupan Rasulullah SAW boleh dilihat antaranya daripada pemilihan pakaian, keadaan rumah dan susun atur perabot. Sebagaimana diriwayatkan oleh Saidina Umar al-Khatab:

Saidina Umar Al-Khatab RA berkata: Aku masuk bertemu dengan Nabi SAW

Maksudnya:

sedang Baginda tidur mengiringi di atas sehelai tikar yang kasar. Lantas aku duduk. Nabi SAW hanya memakai sehelai *izar* (kain) dan selain dari itu tiada apa yang menutupi aurat Baginda SAW. kekesatan tikar tempat Nabi SAW tidur berbekas pada sisinya. Lantas mataku melilau memerhatikan pemilikan Nabi SAW. Hanya ada beberapa cupak gandum, beberapa helai *qaraz* (daun untuk menyamak kulit binatang) dan sehelai kulit yang telah disamak tergantung di dindingnya. Maka bercucuranlah air mataku keluar. Nabi SAW bersabda; Apakah yang membuatkan kamu menangis wahai Ibnu Khattab. Aku berkata: Bagaimana aku tidak menangis, tikar ini berbekas pada badanmu, dan ini sahaja hartamu yang kamu ada, aku tidak melihat selain dari apa yang aku lihat. Di sana Qisra dan Kaisar duduk di dalam kemewahan

1 <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kesederhanaan>. Tarikh 22 Julai 2024

2 <http://repository.radenintan.ac.id/17509/1/SKRIPSI%201-2.pdf>

dan taman-taman indah. Kamu Rasulullah, pilihan Allah, hanya ini sahaja pemilikanmu. Nabi bersabda: Wahai Ibnu Khattab, adakah kamu tidak reda bagi kita akhirat dan bagi mereka dunia. Aku berkata: Bahkan Ya, Rasulullah.

Hadis ini menggambarkan bagaimana Rasulullah SAW menjalani kehidupan sehari-hari dalam keadaan yang penuh sederhana. Baginda merupakan pemimpin ummah pada masa tersebut yang berkemampuan untuk memiliki dan membelanjakan hartanya, namun memilih untuk hidup dalam situasi penuh kesederhanaan.

## 2. Makan dan Minum

Begitu juga dalam bab makan minum, Rasulullah SAW sangat mementingkan kesederhanaan. Banyak hadis yang meriwayatkan kesederhanaan Baginda antaranya sebagaimana berikut:

Maksudnya:

Rasulullah SAW tidak pernah merasakan kenyang kerana makan roti atau kenyang kerana makan daging, kecuali jika sedang menjamu tamu (maka beliau makan sampai kenyang).

(HR.Tirmidzi)

Maksudnya: Daripada Aisyah RA berkata: Sejak datang ke Madinah sehingga sampai saat Baginda SAW wafat, keluarga Nabi Muhammad SAW tidak pernah memakan roti dari tepung gandum sehingga kenyang selama tiga hari berturut-turut.”

[Riwayat al-Bukhari (5416) dan Muslim (2970)]<sup>3</sup>

Hadis ini menunjukkan kepada kita bahawa Rasulullah SAW dalam bab makan sentiasa bersederhana, jauh sekali daripada berlebih-lebihan malah amat memuliakan para tetamu. Baginda turut mengajarkan kita untuk mengambil makanan dalam jumlah yang diperlukan sahaja melalui konsep makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang. Keadaan ini amat perlu diteladani oleh kita semua dalam mencapai keseimbangan kehidupan berdasarkan amalan kesederhanaan.

## 3. Harta Benda dan Kekayaan

Rasulullah SAW terkenal dengan gelaran al-Amin, hal ini secara jelas boleh diperhatikan bagaimana Baginda menguruskan harta benda dan kekayaan yang diperolehinya dengan penuh kejujuran, kesederhanaan dan kebijaksanaan. Beliau mengajarkan betapa pentingnya menguruskan harta dengan bijak, tidak berlebihan dan bersedekah kepada mereka yang memerlukan. Gaya pengurusan

harta benda dan kekayaan Rasulullah SAW sewajarnya menjadi contoh paling ideal bagaimana kekayaan harus dikelola dengan bijaksana dan penuh rasa tanggungjawab dengan matlamat demi kemaslahatan umat. Baginda menunjukkan bahawa harta adalah amanah dari Allah yang harus digunakan untuk kebaikan dan manfaat bersama sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Hadid ayat 7:

Maksudnya: Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah (pada jalan kebaikan) sebahagian daripada harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah); mereka tetap beroleh pahala yang besar.

Saat kewafatan Rasulullah SAW, Baginda hanya meninggalkan pedang, seekor keldai dan sebidang tanah yang disedekahkan ke jalan Allah SWT. Hal ini menunjukkan bahawa Baginda tidak suka mengumpulkan harta kekayaan dan lebih suka untuk menginfakkan kepada mereka yang memerlukan<sup>4</sup>. Pada masa yang sama, Islam tidak menghalang umatnya daripada mengumpulkan harta dengan syarat kekayaan diperolehi adalah dengan cara yang halal berdasarkan prinsip-prinsip pemilikan<sup>5</sup> serta harta kekayaan yang ada mampu dimanfaatkan ke jalan Allah SWT demi kemaslahatan ummah.

## 4. Pergaulan Sosial

Dari aspek pergaulan sosial, Rasulullah SAW merupakan contoh teladan terbaik dalam interaksi sesama makhluk dan persekitaran. Di mana akhlak yang ditunjukkan mencerminkan nilai-nilai Islam sebagaimana yang dituntut oleh Allah SWT. Baginda tidak membezakan antara kaya dan miskin malah melayani pelbagai golongan masyarakat dengan penuh kasih sayang, keadilan dan penuh hormat serta berhikmah. Kesederhanaan melalui interaksi sosial yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW ini membawa seribu hikmah dalam hubungan secara individu dan kelompok masyarakat yang lebih besar.

## 5. Kehidupan Berkeluarga

Rasulullah SAW menjalani kehidupan berkeluarga dengan penuh kasih sayang dan kesederhanaan. Baginda turut membantu dalam urusan rumah tangga dan mendidik anak-anak. Baginda amat menekankan amalan bersederhana dan bersyukur atas nikmat yang dikurniakan Allah SWT. Perkara ini dapat diperhatikan melalui hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu A'bud seperti berikut:

3 <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/3759-irsyad-al-hadith-siri-ke-426-kisah-nabi-saw-bersama-dua-sahabatnya-keluar-disebabkan-kelaparan>

4 <https://www.detik.com/hikmah/khazanah/d-6710450/4-kesederhanaan-rasulullah-saw-dari-cara-makan-hingga-simpanan-harta>

5 <https://www.ikim.gov.my/index.php/2006/11/08/bersederhana-membawa-berkat/>

Maksudnya: Mendengar itu, Rasulullah SAW berkata, "Bertakwalah kepada Allah, Fatimah. Tunaikanlah kewajiban Tuhanmu dan laksanakanlah pekerjaan keluargamu. Jika engkau hendak berangkat ke pembarangan, berdoalah dengan membaca tasbih sebanyak 33 kali, tahmid 33 kali, dan takbir 34 kali. Semuanya berjumlah 100. Itu semua lebih baik bagimu daripada pembantu rumah tangga.' Fatimah berkata, Aku rela (reda) atas apa yang berasal dari Allah dan Rasul-Nya.' Fatimah tidak dibantu oleh pembantu." (HR Ahmad, Abu Daud, At-Tirmidzi, dan Ibnu Majah).

## KEPENTINGAN AMALAN KESEDERHANAAN DALAM KEHIDUPAN

Kesederhanaan yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW bukan hanya tentang gaya hidup, tetapi juga merangkumi aspek mental dan spiritual. Baginda menunjukkan bahawa kebahagiaan dan kepuasan hidup tidak bergantung pada kemewahan fizikal semata tetapi melibatkan hubungan dengan Allah SWT dan nilai-nilai positif dalam diri seperti rasa syukur, keprihatinan kepada orang sekeliling dan sebagainya. Atas dasar ini, adalah penting bagi kita untuk mempraktikkan amalan kesederhanaan dalam kehidupan seharian.

Kebolehan menerapkan kesederhanaan dalam kehidupan menatihkan kesejahteraan zahir dan batin dalam diri kita sendiri. Di mana, ia mampu mengurangkan tahap tekanan yang dihadapi dalam mengharungi kehidupan mencabar pada hari ini. Sekaligus dapat meningkatkan kesejahteraan mental yang memberi kesan positif terhadap tenaga badan sama ada luar atau dalam. Ia juga berupaya mengoptimumkan kebolehan diri daripada pelbagai aspek seperti pengurusan diri dan emosi dengan lebih efektif yang menjurus kepada peningkatan terhadap hubungan dengan Allah, sesama manusia dan persekitaran.

## UKURAN KESEDERHANAAN

Cara untuk mengukur tahap kesederhanaan dalam hidup adalah dengan melihat kepada pilihan-pilihan yang kita putuskan dalam urusan seharian

mencakupi pelbagai aspek kehidupan. Bukan persoalan kaya dan miskin yang menjadi ukuran tetapi bagaimana kita menguruskan sumber yang dimiliki berdasarkan tahap keperluan tersendiri dengan bijaksana dan berhemah. Ini kerana keperluan dan kehendak seseorang itu adalah berbeza antara satu sama lain. Antara kerangka kesederhanaan yang boleh difikirkan bersama dalam menjustifikasi kesederhanaan hidup kita adalah seperti kecenderungan terhadap barang-barang mewah atau sebaliknya. Mengutamakan barang pelbagai fungsi dan kedayatahanan atau sebaliknya. Gaya pengurusan kewangan yang mementingkan keutamaan atau sebaliknya. Penggunaan waktu dengan efektif dan bermakna terhadap persekitaran. Mengutamakan kualiti hubungan sosial atau sebaliknya. Kebolehupayaan mengimbangkan bidang kerjaya dengan kehidupan atau sebaliknya. Mengutamakan aspek kesihatan diri atau sebaliknya. Pencapaian tahap kepuasan diri dan persekitaran. Kebolehan mendisiplinkan diri atau sebaliknya. Ini merupakan antara persoalan-persoalan yang perlu kita muhasabah bersama dalam mengetahui tahap kesederhanaan yang dipraktikkan dalam kehidupan. Di mana hasilnya adalah untuk penambahbaikan kehidupan pada masa akan datang.

## RUMUSAN

Amalan kesederhanaan yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW merupakan aturan Allah SWT dalam mendidik jiwa manusia agar selari dengan segala tuntutan yang diperintahkan-NYA. Ini kerana amalan kesederhanaan dalam kehidupan manusia akan menjuruskan kepada titik kebahagian dunia dan akhirat. Di mana pencapaian kesejahteraan dan keharmonian hidup dapat dinikmati oleh semua insan berdasarkan kemampuan tersendiri. Pada masa yang sama, amalan kesederhanaan akan mendidik jiwa untuk mengenal tahap keutamaan keperluan dan kehendak manusia tanpa mengetepikan kesenangan dunia serta menemui titik keseimbangan dalam menjalani kehidupan dengan lebih bermakna.

1 <https://pprm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kesederhanaan>. Tarikh 22 Julai 2024  
2 <http://repository.radenintan.ac.id/17509/1/SKRIPSI%201-2.pdf>



# Teladanilah Nilai-Nilai Murni Rasulullah SAW



Mazlina binti Jalani

Penolong Pengarah Kanan  
Unit Integriti, JAKIM

Rasulullah SAW merupakan seorang manusia unggul menjadi suri teladan terbaik dengan keperibadian mulia yang tiada tolak bandingannya. Umat Islam wajib menghayati dan meneladani nilai-nilai murni Baginda dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Di dalam Al-Quran, Baginda disebut sebagai manusia yang memiliki akhlak yang paling agung selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 21:

Maksudnya: “Sesungguhnya pada diri Rasulullah ada teladan yang baik bagimu.”

Terdapat empat sifat terpuji Rasulullah SAW yang menjadi teras kepada nilai-nilai murni wajib diteladani masyarakat yang ingin memupuk pembentukan peribadi dan integriti, iaitu *siddiq* (benar), *amanah* (dipercayai), *tabligh* (menyampaikan) dan *fatonah* (cerdas dan bijak).

## 1. *Siddiq* ertinya benar

Dalam menyampaikan wahyu yang datangnya dari Allah SWT, segala perkataan, perbuatan dan tingkah laku Baginda adalah benar. Segala perkataan dan perbuatan Nabi Muhammad SAW itu selalu sesuai dengan Al-Qur'an dan bukan merupakan atas kemahuannya sendiri. Firman Allah SWT dalam surah an-Najm ayat 3-4:

Maksudnya: “Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan ugama Islam) menurut kemahuian dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.”

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya kebenaran membawa kepada kebaikan (taat), dan kebaikan itu pula membawa ke syurga”. (**HR. Al-Bukhari dan Muslim**).

Bersifat benar akan melahirkan seseorang yang mempunyai sifat jujur, ikhlas dan bertakwa. Dalam sesebuah organisasi, semua pekerja mestilah bersikap benar dalam menjalankan tugas sehari-hari seperti kehadiran menepati masa, tidak mencuri tulang dan tidak mengabaikan tugas semasa waktu bekerja. Sifat benar merupakan kunci untuk meningkatkan produktiviti dan mengembalikan kepercayaan orang ramai terhadap sesebuah organisasi.

## 2. *Amanah* ertinya dipercayai.

Rasulullah SAW tidak pernah mengkhianati kepercayaan dan menggunakan kedudukannya sebagai Rasul atau pemimpin bangsa Arab untuk kepentingan peribadi atau keluarganya, namun

yang dilakukan baginda adalah semata-mata untuk kepentingan Islam. Jika satu urusan diserahkan kepada Rasulullah SAW, nescaya orang percaya bahawa urusan itu akan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 68:

Maksudnya: "(Tugasku) menyampaikan kepada kamu akan perintah-perintah (yang diutuskan oleh) Tuhanmu, dan aku adalah pemberi nasihat yang amanah, bagi kamu."

Mengabaikan amanah boleh membawa ke neraka. Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

"Tidaklah sempurna iman seseorang yang tidak menjaga amanah dan tidak sempurna agama bagi orang yang tidak menepati janji" (HR. Ahmad).

Amanah merupakan nilai peribadi asas bagi seorang muslim selain sifat ikhlas, berdedikasi, berdisiplin dan tekun. Pekerja yang amanah akan melaksanakan tugas yang diberi kepercayaan kepadanya dengan penuh keikhlasan dan tanggungjawab tanpa mengabaikannya.

### 3. *Tabligh* ertinya menyampaikan

Rasulullah SAW menyampaikan semua yang diwahyukan Allah SWT kepadanya berupa syariat serta risalah kenabian meliputi al-Quran dan Hadis yang mengandungi perintah serta larangan kepada seluruh umatnya. Tugas Baginda sebagai rasul adalah untuk memberi peringatan, membimbing umat, memperbaiki dan mempersiapkan manusia untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 67:

Maksudnya: "Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu."

Tabligh merupakan ibadah yang sangat dianjurkan sekaligus memberi contoh teladan kepada orang lain untuk melakukan sesuatu perbuatan yang benar dan sesuai dengan akidah. Rasulullah SAW bersabda, maksudnya: "Sampaikanlah (apa yang kamu dapat) dariku walau satu ayat sekalipun." (**HR. Al-Bukhari dan Tarmizi**).

### 4. *Fathonah* ertinya cerdas dan bijaksana.

Baginda seorang yang cerdas dan mempunyai intelektual yang tinggi. Terbukti dengan daya ingatan Baginda yang sangat tinggi dalam menghafal dan menyampaikan ribuan ayat al-Quran dan kemudian menjelaskannya dalam puluhan ribu Hadis. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 269:

Maksudnya: "Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu."

Maksudnya: "Allah memberikan Hikmah kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan yang ditentukan-Nya)."

*Fathonah* merupakan nilai profesionalisme keperibadian mulia meliputi berilmu, kreatif, inovatif, intelektual dan akauntabiliti. Mengaplikasikan sifat kecerdasan yang tinggi dan kebijaksanaan luar biasa Baginda di dalam setiap urusan, mampu menyelesaikan segala masalah secara efektif.

Baginda Rasulullah SAW ialah manusia paling bertakwa dan paling tinggi integriti telah meninggalkan contoh tauladan yang baik. Kita hendaklah mengambil hikmah daripada teladan Rasulullah SAW dengan menerapkan nilai-nilai murni Baginda dalam urusan seharian bagi menjamin pembentukan ummah berkualiti.

**"Sesungguhnya kebenaran membawa kepada kebaikan (taat), dan kebaikan itu pula membawa ke syurga".  
(HR. Al-Bukhari dan Muslim).**



# Keberanian Dan Ketegasan Rasulullah SAW Dalam Menghadapi Rintangan Dakwah



Dr. Fazlulaini binti Mohd Yunus

Penolong Pengarah Kanan

Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)

Jistilah dakwah bukanlah sesuatu yang boleh diasingkan daripada syiar Islam. Malahan tanpa dakwah, pastinya sukar untuk ajaran Islam berkembang dengan luasnya di seluruh dunia. Keberkesanannya dalam perlaksanaan dakwah adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor utama yang sewajarnya diberikan penekanan supaya intipati mesej dakwah dapat disampaikan terus ke dalam hati golongan sasaran dakwah. Sememangnya mudah untuk kita mengajak dan berdakwah kepada insan lain tetapi persoalannya adakah ianya benar-benar dapat difahami dan dihayati sepenuhnya, sekaligus mencapai objektif dakwah iaitu mengubah keadaan diri insan supaya terarah kepada kebaikan dan meninggalkan kemungkaran.

Sebagai umat Islam, kita haruslah mengakui bahawa tiada idola terbaik yang dapat diambil sebagai sumber inspirasi untuk membentuk jati diri sebagai seorang pendakwah yang berkualiti, selain daripada merujuk kepada Rasulullah SAW. Hal ini telah dijelaskan melalui falsafah kerasulan Baginda seperti mana yang dinukilkilan oleh Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 45-46:

“Wahai Nabi, sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar) (45) Dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah dengan taufiq yang diberi-Nya; dan sebagai lampu yang menerangi (46)”

Pendakwah sedia maklum terhadap mehnah menjalani dakwah ke jalan Allah. Hal ini memerlukan kepada keberanian dan ketegasan yang jitu dalam diri pendakwah. Perkara ini lebih awal dilalui dan dirasai oleh junjungan besar kita Nabi Muhammad Rasulullah SAW menjalani dakwah. Baginda sehingga kita merasai nikmat iman dan Islam ketika ini. Rasulullah SAW merupakan contoh ideal dalam hal ketegasan dan keberanian menyampaikan dan meluaskan misi

dakwah. Keberanian dan ketegasan Baginda dalam menghadapi berbagai rintangan adalah aspek penting yang menginspirasi banyak orang hingga saat ini. Sejak awal kerasulannya di kota Makkah, Baginda telah menghadapi pelbagai rintangan yang tidak hanya menantang keberanian peribadinya, tetapi juga keimanan serta keteguhan hati untuk menyampaikan risalah Ilahi kepada umat manusia. Sifat mahmudah Baginda menjadi contoh kepada seluruh umat tanpa ada tandingannya kini dan selamanya.

Dalam perjalanan misi dakwah, Rasulullah SAW menghadapi tentangan yang hebat dari penguasa Quraisy yang memusuhi Islam secara ekstrem. Meskipun Baginda menghadapi ancaman, intimidasi atau tekanan dan diskriminasi sosial, Baginda tetap teguh dengan pendiriannya. Keberaniannya tidak hanya terlihat ketika menghadapi musuh-musuh Islam, tetapi juga dalam mendidik dan membimbing para sahabatnya untuk tidak gentar dalam menghadapi segala bentuk ketidakadilan dan penindasan.

Ketegasan Rasulullah SAW tercermin dalam sikapnya yang tidak pernah mengorbankan dalam prinsip-prinsip tauhid dan keadilan. Bahkan ketika diberikan pilihan antara kemewahan dunia atau keselamatan akhirat, Baginda dengan tegas memilih jalur yang mengarah kepada ketaatan kepada Allah SWT.

Keberanian dan ketegasan Rasulullah SAW dalam menghadapi rintangan dakwah sangat relevan untuk dijadikan teladan pada zaman sekarang. Berikut adalah beberapa cara bagaimana sifat-sifat tersebut mampu menginspirasi dan memotivasi kita dalam menghadapi hambatan dakwah pada zaman moden ini:

**Keberanian dalam Menyampaikan Kebenaran:** Rasulullah SAW dikenali dengan keberaniannya dalam menyampaikan wahyu dan kebenaran meskipun menghadapi berbagai ancaman dan penentangan daripada masyarakat Quraisy. Pada

zaman sekarang, keberanian yang sama diperlukan untuk menyampaikan pesan kebaikan dan nilai-nilai Islam, terutama di tengah tentangan dan penolakan terhadap ajaran agama. Firman Allah dalam surah al-Ankabut yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keredaan) Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar bersama orang-orang yang berbuat baik.”

Ayat ini menunjukkan bahwa perjuangan dan ketegasan dalam dakwah untuk mencari keredaan Allah SWT akan mendapatkan petunjuk dan dukungan dari-Nya. Ketegasan dalam menjalankan dakwah merupakan sebahagian daripada jihad fi sabilillah (perjuangan di jalan Allah) yang mendapat balasan dan bimbingan daripada Allah.

**Menegakkan Keadilan:** Rasulullah SAW juga dikenali dengan ketegasan dalam menegakkan keadilan dan mencegah kemungkaran. Baginda tidak ragu untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang melanggar hukum-hukum Islam, namun tetap melakukannya dengan kebijaksanaan dan belas kasihan.

**Ketegasan dalam Prinsip:** Rasulullah SAW tetap teguh pada prinsip-prinsip Islam meskipun mengalami berbagai bentuk tekanan. Ketegasan ini boleh menjadi inspirasi kepada kita untuk tetap berpegang pada nilai-nilai agama dalam situasi yang mungkin penuh dengan godaan atau kesulitan.

**Kesabaran Menghadapi Ujian:** Ketika menghadapi penentangan dan ujian, Rasulullah SAW menunjukkan kesabaran yang luar biasa. Ini mengajarkan kita untuk tidak cepat menyerah dalam dakwah dan terus berusaha meskipun mengalami pelbagai kesulitan.

**Menanggung Derita dan Penganiayaan:** Baginda dan para pengikutnya mengalami pelbagai bentuk penyeksaan, seperti pengusiran, pemboikotan, dan kekerasan fizikal. Rasulullah SAW menghadapi semua itu dengan keteguhan dan ketahanan mental yang luar biasa. Ini mengajarkan kita bahawa dakwah tidak selalunya mudah dan memerlukan keberanian untuk tetap berdiri di jalur yang benar meskipun menghadapi kesulitan.

**Pendekatan yang Bijaksana:** Rasulullah SAW tidak hanya menghadapi rintangan dengan ketegasan, tetapi juga dengan kebijaksanaan dan strategi. Dalam berdakwah, penting untuk menggunakan pendekatan yang bijak dan menyesuaikan metode dengan situasi dan sasaran dakwah, agar dakwah yang disampaikan dapat diterima dengan baik.

## Menyampaikan Kebenaran di Tengah Penentangan:

Rasulullah SAW menyampaikan pesan Islam secara terbuka, meskipun hal itu mengundang kemarahan dan penentangan dari para pemimpin Quraisy. Penolakan dan ancaman yang dihadapinya tidak membuatnya mundur. Keberanian ini menunjukkan komitmen yang mendalam terhadap misi dakwahnya. Sebagaimana pesan Allah SWT dalam firman-Nya:

“Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar. Nescaya Allah akan memperbaiki amal-amalmu dan akan mengampuni dosa-dosamu. Dan barangsiapa taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah mendapatkan kemenangan yang besar.”

(Surah al-Ahzab: 70 - 71)

Ayat ini menunjukkan pentingnya bercakap benar dengan tegas sebagai bahagian daripada dakwah. Ketegasan dalam berkomunikasi dan menyampaikan kebenaran adalah kunci untuk mendapatkan reda Allah dan keberhasilan dalam misi dakwah.

**Kepimpinan yang Inspiratif:** Kepemimpinan Rasulullah SAW yang penuh kasih sayang, adil dan saksama memberikan teladan kepada para pemimpin dakwah saat ini. Kepemimpinan yang baik tidak hanya memotivasi tetapi juga menunjukkan empati dan perhatian terhadap keperluan umat.

**Tekad untuk Berubah:** Rasulullah SAW memiliki tekad yang kuat untuk mengubah masyarakat dari kebodohan dan kemungkaran menuju kebaikan dan keadilan. Di era sekarang, tekad untuk membawa perubahan positif dan memperbaiki masyarakat harus tetap menjadi sebahagian daripada usaha dakwah.

“Maka janganlah kamu taati orang-orang kafir, dan berjihadlah terhadap mereka dengan al-Quran jihad yang besar.”

(Surah al-Furqan: 52)

Dalam ayat ini, Allah memerintahkan Rasulullah SAW untuk tidak mengikuti orang-orang yang menolak kebenaran dan untuk melawan mereka dengan al-Quran secara tegas. Ini menunjukkan ketegasan Rasulullah SAW dalam mempertahankan kebenaran dan melawan kebatilan dengan penuh keyakinan dan konsistensi.

**Kesesuaian dalam Ajaran:** Dalam berbagai situasi, Rasulullah SAW tidak pernah mengorbankan prinsip ajaran Islam. Sebagai contoh, dalam peristiwa seperti perjanjian Hudaibiyah, meskipun tampaknya merugikan bagi kaum Muslimin, Baginda tetap menunjukkan ketegasan dan visi yang jauh ke depan. Perjanjian ini akhirnya membawa banyak kebaikan dan hasil positif untuk dakwah Islam.

Keberanian dan ketegasan Rasulullah SAW juga tercermin dalam pendekatannya yang bijaksana dan strategi dalam dakwah:

**Pendekatan yang Relatif:** Rasulullah SAW menggunakan pendekatan yang sesuai dengan situasi masyarakat dan konteks budaya yang ada. Baginda tidak hanya mengandalkan ketegasan, tetapi juga memahami keperluan dan karakteristik sasaran dakwahnya. Misalnya, dalam dakwahnya di Madinah, Baginda mengadaptasi strategi dan pendekatannya untuk menghadapi masyarakat yang berbeza dari Makkah.

**Menggunakan Strategi yang Efisien:** Selain ketegasan, Rasulullah SAW juga menggunakan metode komunikasi yang efektif, termasuk dialog, pendidikan dan contoh peribadi. Baginda menunjukkan bagaimana dakwah dapat dilakukan dengan penuh kebijaksanaan dan kesabaran, sehingga pesan Islam dapat diterima dengan baik oleh pelbagai kaum.

Ketegasan dan keberanian Rasulullah SAW juga sangat relevan untuk diterapkan dalam konteks dakwah saat ini.

**Menghadapi Hambatan Moden:** Dalam era globalisasi dan pluralisme, dakwah menghadapi berbagai tantangan baru seperti media sosial, keseragaman budaya dan konflik ideologi. Keberanian untuk menyampaikan kebenaran dan ketegasan dalam prinsip-prinsip agama menjadi sangat penting untuk menjaga integriti pesan dakwah. Sebagaimana Allah berfirman:

“Wahai orang yang berselimut! Bangkitlah, lalu berilah peringatan. Dan Tuhanmu agungkanlah. Dan pakaianmu bersihkanlah. Dan kotoran (syirik) tinggalkanlah. Dan janganlah kamu memberi (dengan maksud) memperoleh lebih banyak (balasan). Dan untuk Tuhanmu, bersabarlah.”

(Surah al-Mudassir: 1-7)

Ayat-ayat ini menerangkan perintah Allah kepada Rasulullah SAW untuk menyampaikan pesan-Nya secara tegas dan konsisten, meskipun menghadapi berbagai tantangan. Rasulullah SAW diperintahkan untuk berdiri teguh dalam dakwahnya dan tetap menjaga kebersihan hati dan perilaku meskipun menghadapi kesulitan.

**Menggunakan Teknologi dan Strategi Kontemporeri:** Rasulullah SAW menggunakan pendekatan bijaksana dalam dakwahnya, kita juga perlu memanfaatkan teknologi dan strategi kontemporeri untuk menjangkau sasaran dakwah yang lebih luas. Dakwah yang efektif pada zaman sekarang memerlukan pemahaman mendalam tentang media digital, serta pendekatan yang relevan dengan konteks masyarakat moden.

**Menjaga Etika dan Kepemimpinan:** Ketegasan Rasulullah SAW dalam menegakkan keadilan dan menjaga etika dalam berdakwah harus menjadi contoh bagi para da'i dan pemimpin dakwah saat ini. Kepemimpinan yang penuh kasih sayang, adil dan bijaksana tetap menjadi kunci dalam memotivasi dan memimpin umat.

Kesimpulannya keberanian dan ketegasan Rasulullah SAW dalam misi dakwah adalah teladan yang sangat berharga. Keteladanan Baginda dalam menghadapi rintangan, mempertahankan prinsip dan menggunakan strategi yang bijaksana memberikan panduan yang jelas bagi kita dalam menjalankan dakwah pada zaman moden. Mengintegrasikan prinsip-prinsip dalam strategi dakwah saat ini dapat membantu kita menghadapi tantangan moden dengan lebih efektif sambil tetap menjaga integriti serta keberhasilan dalam menyebarkan nilai-nilai Islam.

#### Bibliografi

- Ab Aziz, M., Nor R., Yusmini, Md., Faridah, Mohd. S., & Mohd A. S. (2006). Perkembangan Dakwah di Malaysia, dlm. Dakwah Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdurrahman. (2001). Menghayati Dakwah Rasulullah di Era Globalisasi, Kuala Lumpur: Serambi Timur Sdn Bhd.
- Abu Muhammad, S. (2011). Mencontohi Kemuliaan Akhlak Rasulullah SAW, Johor: Pustaka Azhar.
- Mohammad, A. B. (1993). Selepas Kebangkitan Semua Islam? Pengislaman dan Pendakwahan Masa Kini: Satu Overview, dlm. Gerakan Dakwah dan QURANICA, 6 (2), 2014 Kepimpinan Rasulullah.....
- Redwan bin Yasin et al. | 82 Orde Islam di Malaysia: Strategi Masa Depan, pynt: Angkatan Belia Islam Malaysia, Selangor: Budaya Ilmu Sdn Bhd.
- Masnur, H. (2010). Quranic Leadership: Seni Memimpin Gaya al-Quran, Selangor: PTS Publication & Distributor Sdn Bhd.
- Mahdi, S. (2013). Ketamadunan Manusia, Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Rusydi, R. J. (2012). Biografi Agung Rasulullah Sallahu Alayhi Wasallam, Kuala Lumpur: Must Read Sdn Bhd.
- Zulkifli, M. Y. & Noor, N. A. (2010). Biografi Muhammad bin Abdullah: Perjalanan Hidup Seorang Nabi. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.

# **Pengaruh Rasulullah SAW Dalam Peradaban Dunia**



**Dr. Khairul Anuwar bin Mustaffa**  
Pensyarah Kanan UiTM, Shah Alam

**P**ERADABAN diertikan sebagai suatu tingkatan kemajuan yang dicapai oleh sesuatu kelompok bangsa atau masyarakat dalam dunia. Pada asasnya, ukuran peradaban adalah dinilai kepada tahap kemajuan yang dicapai. Kejayaan dan kecemerlangan yang dicapai perlulah bersifat menyeluruh sama ada dalam aspek fizikal, ilmu maupun kerohanian. Peradaban sesuatu umat dan bangsa pasti membawa nilai kemajuan dalam kehidupan mereka. Ia juga mengundang rahmat dan berkat daripada Tuhan.

Baginda Nabi SAW sendiri adalah pembawa rahmat ke seluruh alam. Hakikat ini disebut oleh Allah SWT dalam surah *al-Anbiya'* ayat 107:

Maksudnya: Dan tidaklah diutuskan Engkau (Wahai Muhammad) melainkan adalah untuk membawa rahmat kepada seluruh alam.

Sehubungan dengan itu, wajarlah diteliti asas yang dibawa oleh Baginda Nabi SAW yang berjaya menyempurnakan tugas pembawa rahmat ke seluruh alam ini dengan sebaiknya. Rahmat sebagaimana yang disebut oleh Ibn Abbas RA adalah dikurniakan kepada semua makhluk yang ada di alam ini sama ada yang beriman maupun yang tidak beriman, manusia, haiwan dan alam sekitar yang turut menikmatinya.

## **Pengaruh Nabi SAW**

Baginda Nabi SAW meninggalkan pengaruh yang besar untuk alam ini. Kejayaan Baginda Nabi SAW mengubah masyarakat secara menyeluruh telah membawa dan membina peradaban manusia. Bahkan, Baginda SAW juga disebut sebagai tokoh pembina peradaban dunia yang diperakui zaman berzaman. Mesej yang telah disampaikan dan dibawa oleh Baginda Nabi SAW telah membentuk kehidupan yang komprehensif bagi membentuk peradaban manusia.

Baginda Nabi SAW menyampaikan isi kandungan ajaran yang dibawa secara lengkap untuk mengenal Tuhan Yang Esa, membimbing manusia untuk mengetahui cara hidup sempurna iaitu berpandu kepada syariah yang luhur dan membimbing akhlak manusia ke arah sahsiah yang mulia. Mesej yang

disampaikan Baginda Nabi SAW adalah padat, mudah dan jelas.

Baginda Nabi SAW membersihkan kehidupan manusia daripada pelbagai bentuk kejihilan, kezaliman, kekhurafatan dan kebatilan. Obor tauhid yang dibawa dan disampaikan kepada manusia adalah bertujuan membangunkan jiwa daripada memperhambakan diri kepada manusia kepada pengabdian diri kepada Pencipta yang Maha Esa.

## **Pencetus Peradaban Manusia**

Baginda Nabi SAW membimbing dan membentuk sahsiah dan peribadi manusia, bermula dakwah yang dijalankan secara rahsia dan sembunyi kepada individu terdekat. Dakwah mula berkembang secara pesat dan positif dan mula diterima secara umum. Sahabat Baginda Nabi SAW mula membentuk suatu jemaah yang kuat berpegang kepada nilai dan jatidiri tanpa paksaan dan tekanan.

Baginda Nabi SAW membentuk kader yang hebat. Peribadi dan kepimpinan empat sahabat Nabi Muhammad yang disebut sebagai *Khulafā'ur Rāsyidin*, iaitu Abu Bakar (menjawat sebagai amīr al-mu'minīn tahun 632-634 M), Umar bin Khattab (634-644 M), Uthman bin Affan (644-656 M), dan Ali bin Abi Thalib (656-661 M) terbukti meneruskan legasi dan warisan dakwahnya. Tarbiah yang dijalankan membawa hasil yang sebaiknya.

Baginda Nabi SAW dan sahabat mencetuskan penyebaran dan pengembangan Islam ke luar wilayah Semenanjung Arab. Usaha dan mujahadah para sahabatnya, beberapa wilayah terdekat seperti Damsyik, Mesir, Iraq, Palestin, Syria dan Parsi berjaya dibuka dan dikembangkan cahaya Islam. Ternyata, hasil pengaruh ajaran Baginda Nabi SAW, pergerakan dari "kerajaan" *Khulafā'ur Rāsyidin* selanjutnya diteruskan oleh Dinasti Umayyah (661-750 M).

Baginda SAW melalui usaha dakwah yang diasaskan telah melakukan penyebaran Islam semakin luas sehingga ke zaman ini. Daerah-daerah yang dikuasai Islam pada masa ini adalah Syria, Palestin, Afrika Utara, Iraq, Semenanjung Arab, Parsi, Afghanistan dan Asia Tengah (Pakistan, Turkmenistan,

Uzbekistan, dan Kirgistan) dikembangkan seluruh pelusuk dunia. Di atas asas yang telah dilaksanakan Baginda SAW, maka usaha membangunkan umat ini wajar diteruskan bagi mengangkat martabat umat ini dalam membangun masyarakat yang harmoni dan negara yang diberkati.

### Prinsip Asas Peradaban

#### 1) Tugas Khalifah

Baginda SAW membentuk peradaban manusia melalui tugas amanah sebagai khalifah di atas muka bumi ini. Bermula dengan kefahaman dan penghayatan jelas tentang tugas khalifah yang berkait dengan takrifan insan itu sendiri, Baginda Nabi SAW menyempurnakan segala urusannya bagi memenuhi keperluan jasad, jiwa dan mental yang perlu dibimbing dan diurus dengan sebaiknya.

Baginda Nabi SAW mengukuhkan tugas khalifah melalui pembinaan sistem kekeluargaan, kemasyarakatan dan kenegaraan yang jelas. Mengurus urusan sosial, politik dan ekonomi dalam usaha menjawai takrifan insan itu sendiri. Ini kerana insan perlu kepada insan yang lain untuk membina dan membentuk kehidupan. Dengan itu ia menyempurnakan keperluan insan dengan takrifan yang tepat.

Baginda Nabi SAW bukan sahaja mengasaskan keperluan mendirikan masjid yang menjadi sentral kegiatan umat Islam, bermula daripada praktis ritual (beribadah), pertemuan dan perbincangan, pelaksanaan majlis *ta'lim* dan lain-lain kegiatan dan aktiviti. Masjid menjadi tempat penyatuan yang kukuh dan kuat yang menghubungkan manusia dengan tuhan-Nya dan manusia sesama manusia. Di sitalah dibimbing dan diurus segala urusan kehidupan insan menurut manhaj dan metodologi yang selari dengan fitrah manusia.

#### 2) Persaudaraan

Baginda Nabi SAW mengukuhkan tali persaudaraan dalam kalangan umat Islam. Usaha ini dapat dilihat dengan jayanya melalui persaudaraan di antara kelompok Ansar dan Muhajirin. Baginda Nabi SAW berjaya menyatukan tali persaudaraan mereka di atas prinsip akidah sebagai pengganti persaudaraan yang berdasarkan ras dan suku sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh orang-orang jahiliah sebelumnya.

#### 3) Perpaduan

Baginda Nabi SAW mengukuhkan perpaduan sesama manusia walaupun dengan mereka yang bukan Islam. Pelaksanaan perjanjian persefahaman di atas konsep bantu membantu antara kaum muslimin dengan bukan Islam. Ini dapat dilihat melalui

kepelbagaiannya masyarakat di Madinah. Penduduk Madinah yang terdiri daripada tiga golongan ketika itu iaitu kaum muslimin, Yahudi (yang terdiri dari Bani Nadhir dan Quraidah) dan bangsa Arab yang masih *pagan* (penyembah berhala) bersatu dibawah suatu perjanjian yang dinamakan dengan Piagam Madinah.

#### 4) Pengurusan

Baginda Nabi SAW mengurus keperluan masyarakat dan negara Madinah dengan dasar politik, ekonomi dan keselamatan yang jelas. Usaha mewujudkan pengukuhan kawalan dan polisi dalam pembinaan negara dan masyarakat dapat dilihat dalam sirah baginda secara terperinci.

Baginda Nabi SAW seperti yang disebut hasil analisis Montgomery Watt (1989), peristiwa hijrah Nabi Muhammad yang bermula tahun 622M adalah permulaan bagi sebuah sistem pentadbiran dan budaya politik yang bertamadun. Baginda Nabi SAW mengasaskan suatu budaya politik dan sosial yang berakhlik dan penuh dengan nilai peradaban.

Baginda Nabi SAW menyantuni semua kumpulan dan golongan yang wujud di dalam negara Madinah dengan sikap pragmatik yang berakhlik. Baginda SAW bukan sekadar menyeru orang untuk mentauhidkan Allah, malah turut membangun masyarakat baru yang demokratik, dan berperadaban

#### Langkah Ke Hadapan

Langkah ke hadapan adalah berusaha mengembalikan peradaban yang diasaskan oleh Baginda Nabi SAW. Usaha tersebut bukanlah hanya dijadikan suatu retorik kosong yang diulang-ulang untuk menyedapkan kata-kata dan ucapan, malah peradaban yang dibentuk oleh Nabi SAW lahir daripada sebuah gaya dan cara hidup, suatu penghayatan terhadap ajaran wahyu dan siri perjuangan yang berterusan.

Justeru, Baginda Nabi SAW telah meninggalkan tiga perkara penting yang wajar dihayati dalam kehidupan dan perjuangan. Tiga perkara penting tersebut adalah berkaitan sirah Baginda Nabi SAW, hukum-hakam yang ditinggalkan Baginda Nabi SAW yang disebut sebagai Fiqh Ahkam dan perjuangan dakwah yang ditinggalkan baginda Nabi SAW yang disebut sebagai Fiqh Dakwah.

Sehubungan dengan itu, wajar bagi menghayati usaha yang ditinggalkan oleh Nabi SAW untuk sama-sama memahami dan menghayati tiga fiqh berikut:

#### 1) Fiqh Sirah

Sirah Baginda SAW adalah suatu pedoman yang menjelaskan kisah yang lengkap tentang kehidupan

Baginda Nabi SAW. Sirah memberi gambaran suatu kehidupan yang lengkap untuk panduan individu, keluarga, masyarakat dan umat sepanjang zaman. Malah, pemimpin yang diamanahkan kepimpinan untuk berlaku adil dan saksama untuk semua memahami Fiqh Sirah adalah suatu keperluan penting.

Oleh itu, jadikan Pengajian Fiqh Sirah sebagai asas penting yang perlu diketengahkan kepada masyarakat. Sebagai pemimpin atau orang yang dipimpin, masyarakat biasa, atasan atau bawahan, Sirah nabi SAW adalah sesuai untuk diterokai dan diambil pengajaran.

### **2) Fiqh Ahkam**

Fiqh Ahkam atau pengajian yang berkait dengan hukum hakam syariat yang ditinggalkan baginda Nabi SAW wajar dijadikan panduan dan pedoman. Sumber hukum syariat adalah berdasarkan apa yang ditinggalkan oleh Baginda Nabi SAW berbentuk perkataan Nabi SAW, perbuatannya mahupun taqrirnya adalah pedoman sepanjang zaman yang dijadikan sandaran hukum dan perbahasan ulama dan ilmuwan sepanjang zaman.

### **3) Fiqh Dakwah**

Fiqh Dakwah adalah fiqh yang membahaskan ilmu dakwah Nabi SAW berkaitan seruan kebenaran yang diperjuangkan. Dakwah menyampaikan kebenaran, menegakkan keadilan dan menghapuskan kebatilan memerlukan cara dan kaedah yang tepat yang dilaksanakan oleh Nabi SAW.

Sehubungan dengan itu, segala bentuk dakwah perlu dijayakan dengan strategi dan langkah pelaksanaan yang berkesan, malah sentiasa perlu dinilai untuk dipastikan menepati kehendak dan objektif yang ditetapkan. Oleh itu, Fiqh Dakwah sarat dengan manhaj dan strategi yang perlu dihayati dan dijadikan panduan berterusan.

Kesimpulannya, Baginda Nabi SAW adalah pencetus peradaban umat manusia yang ulung yang wajar dijadikan rujukan dan panduan penting dalam membentuk peradaban manusia. Adalah menjadi suatu kewajaran bagi umat ini untuk terus berusaha membentuk peradaban di atas nama apa sekalipun dengan menghayati sirah Baginda SAW, mengurus kehidupan dan kepimpinan berdasarkan panduan hukum yang ditinggalkannya dan terus berjuang melalui Fiqh Dakwah yang ditinggalkan oleh Baginda SAW.

Sewajarnyalah sebagaimana yang disebut oleh Michael Hart dalam bukunya *The 100: A Ranking of Most Influential in History*, meletakkan Baginda SAW sebagai tokoh yang paling berpengaruh di dunia ini sehingga ke akhir zaman.

Sehubungan dengan itu, Islam yang sesuai untuk sepanjang zaman dan tempat memerlukan petugas dan pejuangnya yang kekal istiqamah sepanjang masa. Beruntunglah mereka yang dipilih untuk menyertai perjuangan yang ditinggalkan Baginda Nabi SAW.

# Kesetiaan Dan Pengorbanan Hanya Untukmu Rasullullah SAW



Mohammad Zaki bin Yahpar  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Dakwah, JAKIM

Perjalanan kehidupan Rasulullah SAW mencatatkan banyak kisah suka dan duka. Baginda dikelilingi dengan bermacam ragam dan watak manusia sama ada yang suka, menyokong bahkan yang menentang usaha dakwah Baginda SAW.

Namun, kejayaan dakwah Baginda SAW juga dibantu oleh sahabat-sahabat sekeliling Baginda yang sangat setia dan sentiasa bersedia berkorban demi Rasulullah SAW. Mereka memiliki rasa cinta yang sangat tinggi terhadap Rasulullah SAW dan ia dizahirkan dengan banyak tindakan dan ucapan mereka.

Sudah tentunya, isteri Baginda, Saidatina Khadijah *radhiallahu anha* yang sangat setia, merupakan insan yang menenangkan Rasulullah SAW ketika pertama kali menerima wahyu dan pelantikan kersulatan, malah menerima dengan yakin ajaran Islam yang dibawa oleh suami tercinta. Begitu juga isteri-isteri Baginda yang lain terutamanya Saidatina Aisyah *radhiallahu anha* yang menemani suka duka perjalanan hidup Baginda hingga ke akhir hayatnya.

Selain itu, disekeliling Rasulullah SAW juga terlalu banyak dari kalangan sahabat yang sangat setia terhadap Baginda. Sebahagiannya dijamin masuk syurga seperti Saidina Abu Bakar as-Siddiq, Saidina Umar bin al-Khattab, Saidina Uthman bin Affan, Saidina Ali bin abi Talib, Abdul Rahman bin 'Auf, Zubair bin Awwam, Talhah bin Ubaidillah, Abu Ubaidah bin Jarrah, Saad bin Abi Waqqas, dan Sa'id bin Zaid.

Hal ini bersandarkan kepada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban:

*"Abu Al-Khalifah mengkhabarkan kepada kami daripada Syu'bah daripada al-Hurr Bin al-Siyah daripada Abdurrahman bin al-Akhnas bahawa ada satu ketika beliau berada di Masjid. Maka*

*Mughirah menyebut tentang Ali dan beliau mencela Ali. Lalu Sa'id bin Zaid bangun dan berkata: Aku bersaksi dengan nama Rasulullah SAW bahawa aku mendengar Baginda bersabda tentang sepuluh orang yang berada di dalam syurga: Nabi berada di syurga, Abu Bakar berada di syurga, Umar berada di syurga, Uthman berada di syurga, Ali berada di syurga, Talhah Bin Ubaidullah berada di syurga, Zubair bin al-'Awwam berada di syurga, Sa'ad Bin Malik berada di syurga, Abdurrahman Bin 'Auf berada di syurga. Kalau kamu mahu akan aku namakan orang yang kesepuluh. Para sahabat bertanya siapakah dia, lalu Nabi SAW diam. Para sahabat bertanya lagi: siapakah dia? Maka Nabi SAW menjawab: Sa'id Bin Za'id".*

*(Hadis Riwayat Ibnu Hibban)*

Jika hendak diceritakan tentang pengorbanan dan kesetiaan para sahabat Rasulullah SAW, maka ia terlalu banyak. Berikut diringkaskan beberapa kisah dan peristiwa yang menunjukkan kesetiaan dan pengorbanan para sahabat terhadap Rasulullah SAW.

## 1. ABU BAKAR AS-SIDDIQ

Abu Bakar merupakan orang pertama yang masuk Islam. Beliau juga setia menemani hijrah Nabi Muhammad SAW, membebaskan 70 orang hamba muslim yang diseksa oleh para kaum kafir Quraisy kerana menyatakan tauhid kepada Allah SWT. Abu Bakar menjadi seorang khalifah pertama untuk memerangi orang-orang murtad.

Diriwayatkan juga dalam satu peristiwa bahawa Abu Bakar telah masuk ke dalam Gua Thur pada malam beliau berhijrah sebelum Rasulullah SAW masuk ke dalamnya. Hal ini bertujuan melindungi Baginda daripada bahaya yang ada terdapat di dalam gua itu. Abu Bakar telah melihat satu lubang lalu menutupnya dengan hujung kakinya supaya tidak



keluar daripadanya sesuatu yang boleh menyakiti Rasulullah SAW. Rasulullah SAW masuk ke dalam gua dan meletakkan kepalanya di atas pangkuan Abu Bakar lalu tertidur. Kaki Abu Bakar telah disengat melalui lubang yang ditutupnya, namun dia tidak bergerak. Air matanya menitis lalu terkena atas muka Rasulullah SAW, lalu Baginda berkata: "Apa yang berlaku pada engkau, wahai Abu Bakar?". Abu Bakar menjawab: "Demi ayah dan ibuku! Aku telah disengat". Maka Rasulullah SAW meludah ke arah tempat sengatan tersebut dan sakit itu hilang. (Riwayat Ibnu Ishaq)

## 2. UMAR BIN AL-KHATTAB

Kesetiaan Umar mendampingi Rasulullah dalam menyebarkan Islam tidak perlu diragukan lagi. Umar selalu mengawal dan menjaga di barisan paling hadapan ke mana sahaja Rasulullah ingin pergi. Hingga Umar digelar sebagai singa padang pasir kerana keberaniannya.

Oleh kerana Saidina Umar merupakan salah seorang sahabat kanan Rasulullah SAW, terdapat beberapa peristiwa yang menunjukkan betapa cintanya Umar kepada Rasulullah SAW. Kemuncaknya ketika kewafatan Baginda SAW seperti mana yang dinukilkan dalam *Hayah al-Sahabah*. Walaupun beliau antara yang dikenali dengan segala kehebatan, namun hakikatnya tersebut beliau masih tidak dapat menahan perasaan ketika menerima berita kewafatan Baginda SAW. Inilah sebahagian kecil tanda cinta beliau terhadap Rasulullah SAW. Dalam keadaan kebingungan dan kesedihan yang mendalam, beliau bangun dengan pedang yang terhunus dan berkata: "Aku akan penggal leher sesiapa yang berkata bahawa Rasulullah telah wafat. Baginda hanya pergi menemui Tuhan-Nya sebagaimana Nabi Musa AS pergi ke Bukit Tursina. Tidak lama lagi Baginda akan pulang dan akan memotong kaki dan tangan mereka yang menyebarkan berita kewafatan Baginda SAW".

Saidina Abu Bakar yang melihat keadaan Umar yang sebegini lantas membaca ayat al-Quran dan berpidato bagi mententeramkan keadaan:

Firman Allah SWT di dalam surah Ali-Imran ayat 144:

**Maksudnya:** *"Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudah pun didahului oleh beberapa orang Rasul (yang telah mati atau terbunuh). Jika demikian, kalau dia pula mati atau terbunuh, (patutkah) kamu berbalik (berpaling tadaah menjadi kafir)? Dan (ingatlah), sesiapa yang berbalik (menjadi kafir) maka dia tidak akan mendatangkan mudarat kepada Allah sedikit pun; dan (sebaliknya) Allah akan memberi balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu)".*

## 3. UTHMAN BIN AFFAN

Uthman bin Affan merupakan seorang pedagang kaya raya yang sangat dermawan. Uthman bin Affan dikenal sebagai saudagar yang sangat berjaya dan beliau juga tidak teragak-agak untuk menyedekahkan hartanya untuk kepentingan syiar Islam.

## 4. ALI BIN ABI TALIB

Ali merupakan khalifah keempat sekaligus sepupu dan menantu Nabi Muhammad SAW. Ali menikahi Fatimah al-Zahra. Ali juga merupakan orang pertama masuk Islam bagi golongan kanak-kanak. Beliau turut menyertai hijrah bersama Nabi dari Makkah ke Madinah. Ali sangat setia mendampingi dakwah Rasulullah. Ketika itu, Ali membantu Rasulullah untuk melarikan diri dari dikejar kaum kafir Quraisy dengan berpura-pura tidur di atas katil Nabi Muhammad bagi mengelabui kafir Quraisy. Satu pengorbanan yang sangat berbahaya namun ia bukanlah suatu hal yang berat bagi sahabat demi memastikan Rasulullah SAW selamat dari tangan kafir Quraisy.

## 5. TALHAH BIN UBAIDILLAH

Talhah bin Ubaidillah ialah sahabat yang paling berperanan dalam melindungi Rasulullah ketika suasana genting di Perang Uhud dan menderita luka parah yang luar biasa dalam perang tersebut. Beliau menjadikan dirinya sebagai perisai bagi melindungi dan mempertahankan Baginda SAW dalam peperangan tersebut. Beliau disebut oleh Rasulullah sebagai "syahid yang berjalan di muka bumi". Dari Jabir bin Abdillah *radhiyallahu 'anhuma*, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

**Maksudnya:** "Sesiapa yang ingin melihat seorang syahid yang berjalan di atas muka bumi, lihatlah pada Talhah bin Ubaidillah". (**Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi, dan Ibnu Majah**)

Selain itu, seorang sahabat bernama Miqdad bin Amr boleh menjadi contoh betapa setianya para sahabat mendampingi perjuangan Nabi SAW. Miqdad bin Amr ialah seorang sahabat Nabi Muhammad SAW yang tergolong paling awal memeluk Islam. Beliau turut ini merasakan betapa dahsyatnya kekerasan yang dilancarkan oleh kaum kafir Quraisy terhadap orang-orang beriman kepada Allah SWT.

Perjuangan Miqdad bin Amr tidak kenal kata mengalah atau berundur. Abdullah bin Mas'ud, seorang sahabat muda Rasulullah SAW, pernah berkata, "Saya telah menyaksikan perjuangan Miqdad sehingga saya lebih suka menjadi sahabatnya daripada segala isi bumi ini".

Kesetiaannya terhadap Rasulullah SAW begitu besar. Ketika Perang Badar, beliau turut meyakinkan Nabi SAW tentang ketaatan dan kesetiaan para pejuang Islam walaupun mereka tahu betapa bahayanya musuh-musuh Islam ketika itu dari segi bilangan dan kelengkapan perang yang mereka miliki.

Miqdad berkata: "Wahai Rasulullah! Teruslah laksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah dan kami akan bersama kamu. Demi Allah! Kami tidak akan berkata seperti yang dikatakan oleh Bani Isra'il kepada Nabi Musa, 'Pergilah kamu bersama Tuhanmu dan berperanglah'. Kami akan mengatakan kepada kamu, 'Pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah, dan kami ikut berjuang di sisimu! Demi Zat yang telah mengutus engkau dengan membawa kebenaran! Seandainya engkau menyuruh kami melalui lautan lumpur, kami akan melaluinya dengan tabah hingga mencapai tujuan'.

Kata-katanya itu mengalir laksana anak panah yang lepas dari busurnya, hingga menusuk ke dalam hati orang-orang Mukmin. Wajah Rasulullah SAW juga

berseri-seri, sementara lisannya mengucapkan doa yang terbaik untuk Miqdad.

Sa'ad bin Muadz, antara pemimpin dari kalangan kaum Ansar berkata, "Wahai Rasulullah! Sungguh, kami telah beriman kepadamu, membenarkanmu, dan kami telah saksikan bahawa apa yang engkau bawa adalah benar. Kami juga sudah bersumpah setia kepadamu. Oleh sebab itu, majulah wahai utusan Allah! Kami akan bersamamu.

Demi Zat yang telah mengutusmu dengan membawa kebenaran! Seandainya engkau membawa kami ke lautan, lalu engkau mengharungi lautan itu, tentu kami juga akan mengharunginya. Tidak seorang pun akan berpaling. Kami akan bersamamu berperang melawan musuh".

Rasulullah berasa sangat gembira. Baginda bersabda kepada para pengikutnya, "Berangkatlah dan bergembiralah!".

Begitulah sebahagian kisah dan bukti kesetiaan dan pengorbanan sebahagian sahabat Rasulullah SAW. Setiap kesetiaan dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh para sahabat itu merupakan sesuatu yang sangat mahal dan mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT. Tambahan pula, ketika itu, cabaran menyebarkan dakwah Islamiyah bukanlah suatu hal yang mudah kerana perlu berhadapan dengan banyak rintangan dan penentangan keras dari kafir Quraisy ketika itu.

Kita juga hari ini boleh menunjukkan kesetiaan kita kepada Baginda SAW. Antaranya tidak lain dan tidak bukan ialah dengan mematuhi segala perkara yang telah diperintahkan oleh Baginda SAW dan meninggalkan segala larangannya. Untuk mencapai tahap kesetiaan itu juga pastinya memerlukan kita untuk memiliki rasa kasih dan sayang yang tinggi terhadap Baginda. Lihat sahaja ketika timbulnya isu penghinaan terhadap Baginda Rasulullah SAW, bagaimana perasaan kita ketika itu? Sewajarnya kita bangkit mempertahankan kemuliaan Baginda daripada dihina dan diperlekehkan oleh orang-orang kafir. Bangkit, boleh bermaksud berusaha memahamkan pihak-pihak yang menghina itu kemuliaan sebenar Baginda Rasulullah SAW.

Selain itu, kita boleh menunjukkan kesetiaan kita dengan berusaha mengamalkan sunnah-sunnah Baginda SAW dalam kehidupan sehari-hari kita. Mudah-mudahan dengan usaha-usaha tersebut, menjadikan kita umat Baginda yang mendapat syafaat di akhirat kelak.

# CINTA DAN KASIH SAYANG RASULULLAH SAW TERHADAP UMATNYA



Hasni binti Mohd Ali

Penolong Pengarah Kanan

Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM

Berbicara mengenai susuk agung Nabi Muhammad SAW sememangnya sesuatu yang tidak pernah bernoktah dan kisah periyatannya tidak akan pernah jemu untuk dibaca, ditelaah dan diulang siar menerusi pelbagai medium kaedah penceritaan. Begitulah hebatnya Rasulullah SAW yang tampil sebagai rasul terakhir dan diutuskan untuk menyempurnakan akhlak umatnya. Berbekalkan keberanian yang jitu, penuh ketakwaan dan iltizam yang tinggi, tidak ada perkara utama yang ingin diraih oleh Baginda melainkan untuk menegakkan akidah Islamiah dan menghapuskan segala kebatilan. Justeru itu, bagi memastikan agenda risalah dakwahnya tercapai, Baginda telah menampilkan suatu keperibadian dengan akhlak tertinggi yang menjadi ikutan umatnya pada sepanjang zaman. Dengan bimbingan Allah SWT, kemuliaan akhlak Rasulullah SAW tidak ada tolak bandingan sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Qalam ayat 4 yang bermaksud:

*“Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat mulia”.*

Ibarat tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas, keluhuran akhlak Rasulullah SAW merupakan suatu contoh terbaik (uswah hasanah) untuk diikuti oleh umat manusia sehingga ke akhir zaman. Baginda seorang insan yang dianugerahkan oleh Allah SWT dengan limpahan kasih sayang bukan sahaja kepada ahli keluarganya malah untuk keseluruhan umat Baginda. Himpunan catatan sirah Nabi Muhammad SAW telah mempamerkan bahawa Baginda merupakan teladan yang paling sempurna dan teladan tertinggi tentang erti kebaikan dan kasih sayang. Dalam menyantuni segenap lapisan masyarakat, Baginda berbuat baik tanpa mengira taraf sosial mereka sama ada dalam kalangan para sahabat, kanak-kanak, orang tua, kaum wanita, anak-anak yatim, golongan miskin malah termasuk musuh-musuh Baginda.

Mengimbang liku-liku perjuangan Rasulullah SAW untuk menyebarkan risalah dakwah Islamiah, ia bukanlah suatu perjalanan yang mudah. Baginda berhadapan dengan penentangan demi penentangan yang dilakukan oleh kaum musyrikin bertujuan menggagalkan perjuangan Baginda. Namun demi menegakkan agama Islam dan kecintaan terhadap

umatnya, Baginda menghadapinya dengan hati yang cekal, tabah, sabar dan penuh pergantungan kepada Allah SWT. Sebagai seorang rasul yang sangat kasih dan cinta terhadap umatnya, Baginda sanggup berkorban sepenuh jiwa dan raganya demi mengubah kehidupan masyarakat Arab jahiliah daripada cara hidup yang batil kepada cara hidup yang benar berlandaskan syariat Islam. Meskipun sering dicela, diejek dan dipukul oleh musuhnya, Baginda tidak pernah menyimpan perasaan dendam terhadap mereka bahkan Baginda sentiasa mendoakan kebaikan ke atas musuhnya. Baginda pernah memaafkan seorang lelaki yang ingin membunuhnya dan kerana sifat pemaaf yang ada dalam diri Rasulullah SAW inilah, Baginda membalas perbuatan jahat dengan kebaikan. Natijahnya, perasaan benci musuh-mush Islam dapat dilunakkan dengan kemaafan dan persaudaraan. Hasil daripada pengorbanan dan kesabaran ini jugalah, Baginda dapat meneruskan perjuangan menegakkan agama Allah sehingga Islam tersebar luas ke seluruh alam.

Peristiwa hijrah Rasulullah SAW dari bumi Mekah ke Madinah menjadi satu momen penting dalam sirah perjuangan Baginda. Selama 13 tahun berhadapan dengan pelbagai kezaliman dan penderitaan ketika berada di Mekah, kemuncaknya Baginda telah berhijrah ke Madinah dengan menempuh suatu perjalanan panjang yang sukar lagi mencabar. Hal ini dilakukan oleh Baginda demi jaminan dan kelangsungan dakwah yang dibawanya agar terus berkembang subur di bumi Madinah yang tenang lagi damai. Lebih-lebih lagi dengan semangat dan roh persaudaraan antara kaum Muhajirin dan Ansar, nyata ia telah memperkuatkan dakwah Islam ke mercu kejayaan sehingga akhirnya Madinah menjadi sebuah negara berperlembagaan di bawah kepimpinan Rasulullah SAW.

Ternyata Nabi Muhammad SAW adalah semulia-mulia insan yang memberikan hidayah dan petunjuk sempurna untuk dijadikan ikutan kepada umat Islam seluruhnya.

Baginda telah melaksanakan tanggungjawab terhadap agama dan umatnya dengan cara yang paling sempurna dan bersungguh-sungguh sehingga sanggup mengorbankan seluruh tenaga, harta, jiwa dan raganya demi umat Islam yang sangat dicintai Baginda. Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud:

*“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan memperingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”.*

Inilah citra kenabian Rasulullah SAW sebagai pembawarahmat kepada sekalian alam, menyebarkan risalah-Nya yang benar bagi mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya, membersihkan jiwa daripada segala kejahatan dan perkara-perkara yang mungkar. Justeru, sebagaimana tingginya nilai kasih sayang dan kecintaan Rasulullah SAW terhadap umatnya, begitu jugalah sewajarnya sikap umat Islam dalam mencintai Baginda yang boleh dizahirkan dengan keazaman yang tinggi untuk sentiasa meneladani keperibadian mulia Nabi Muhammad SAW serta mengamalkan sunahnya.

# 3 Langkah Mengasihi Manusia Teragung **Rasulullah SAW**



**Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)  
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

**R**ecara yakinnya tidak disangkal lagi bahawa Rasulullah SAW merupakan seorang manusia teragung. Namun, tidak dapat dielak juga masih terdapat suara-suara sumbang yang mengkritik Rasulullah SAW. Muhammad Ramadhan Al-Buti dalam *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah Ma'a Mujiz al-Tarikh al-Khilafah al-Rashidah* membantah banyak dakwaan kotor orientalis terhadap Rasulullah SAW. Dakwaan yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW adalah berfikiran nasionalis dan mendambakan pangkat darjat disangkal oleh al-Buti bahawa Rasulullah SAW telah menolak tawaran harta, pangkat dan wanita sejak awal dakwah Rasulullah SAW. Maka, tidak timbul dakwaan bahawa Rasulullah SAW gemar terhadap habuan dunia dalam tempoh kehidupannya.

Michael H. Hart pada tahun 1978 mengarang sebuah buku yang bertajuk "*The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History*" telah meletakkan Rasulullah SAW pada tempat yang pertama. Hal ini membuktikan bahawa Rasulullah SAW mempunyai keagungannya tersendiri sehingga menarik orang bukan Islam untuk mengiktirafnya. Pengiktirafan ini sudah tentu berdasarkan bukti-bukti yang kukuh.

Pengaruh keagungan Rasulullah SAW ini terkait juga dengan akhlaknya yang mulia. Hal ini seiring membuktikan bahawa pengiktirafan ini sesuai dengan logik manusia dengan kelakuan Rasulullah SAW sebagai seorang manusia biasa. Rasulullah SAW pernah bersabda dalam sebuah hadis yang sahih daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: "Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak."  
(Hadis Riwayat Ahmad)

Di dalam al-Quran juga, Allah SWT telah mengakui bahawa kekasih-Nya Rasulullah SAW adalah merupakan contoh teladan yang terbaik untuk diikuti sebagaimana firman-Nya di dalam surah al-Ahzab ayat-21 yang bermaksud: "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik."

Pengakuan dari sisi Allah SWT melalui akhlak yang mulia dan contoh suri teladan kepada seluruh manusia adalah pengakuan akan keagungan Rasulullah SAW. Daripada pengiktirafan ini, ia selaras berdasarkan sirah bahawa Rasulullah SAW pernah ditawarkan oleh malaikat penjaga gunung untuk diazab penduduk Taif kerana mereka bukan sahaja tidak mahu melindungi Rasulullah SAW, malah mencederai Rasulullah SAW dengan lemparan batu-batu sehingga membuatkan tubuh badan Rasulullah SAW luka. Mengalir darah yang mulia ini membuatkan para malaikat yang menyaksikan kejadian itu tidak senang melihatnya sehingga menawarkan kepada Rasulullah SAW untuk mengazab mereka dengan menterbalikkan gunung ke atas penduduk Taif. Namun, dengan akhlak mulia yang dimiliki oleh Rasulullah SAW tambahan mempunyai hati yang prihatin sebagai seorang Rasul, Rasulullah SAW telah menolak tawaran malaikat penjaga gunung dan dengan sepenuh hati mengakui bahawa sesungguhnya mereka adalah kaum yang tidak mengetahui.

Akhlik mulia yang diamalkan oleh Rasulullah SAW membuatkan ramai pihak menyayangi Rasulullah SAW dengan sepenuh hati. Bermula dengan kelahirannya, Abdul Mutalib, Abu Lahab, kaum kerabat dan seluruh penduduk Mekah menyambut kelahiran Rasulullah SAW dengan penuh kegembiraan. Rasulullah SAW dilahirkan pada 12 Rabiulawal atau 20 April 571 Masihi, yang juga dikenali sebagai Tahun Gajah, sempena peristiwa tentera bergajah Abrahah yang menyerang Kota Kaabah. Sirah mencatatkan, Abu Lahab antara manusia yang paling gembira menyambut kelahiran Rasulullah SAW dengan menyembelih 100 ekor unta. Namun, hanya kerana dakwah akhirnya Abu Lahab menjadi penentang tegar kepada Rasulullah SAW, sehingga dia disahkan ke neraka sebelum mati. Hal ini tercatat di dalam surah al-Masad.

Begitu juga, kasih sayang para sahabat tercatat dalam beberapa kisah. Sebagai contoh dalam peperangan Uhud mengisahkan beberapa sahabat seperti Nusaibah, Ummu Sulaim, Abu Ubaidah, Zubair Bin Talhah, Abu Dujanah dan selainnya mempertahankan Rasulullah SAW dengan darah dan nyawa. Daripada beberapa orang para sahabat ini, misalnya ketika perang didominasi kaum musyrikin Mekah, Abu Ubaidah mendekati Rasulullah SAW untuk membuang ikatan besi yang terlekat di muka Rasulullah SAW dengan giginya sehingga patah kedua batang giginya. Ada juga sahabat lain yang menyedut darah Rasulullah SAW. Ada juga sahabat yang terus berlawan sehingga kaum Musyrikin berundur.

Tercatat juga mengenai makhluk Allah SWT selain manusia yang turut berduka apabila tidak lagi dapat berkhidmat kepada Rasulullah SAW. Salah satunya adalah sebuah kisah pohon kurma yang menangis pada hari Jumaat.

Kisah ini diabadikan dalam salah satu riwayat dari Jabir bin Abdullah RA. Mengutip Mukhtashar Sahih Bukhari oleh Imam Zainuddin al-Zubaidi, Jabir berkata:

*“Apabila Rasulullah berkhutbah, lazimnya beliau berdiri di bawah pohon kurma. Ketika sebuah mimbar baharu disediakan untuk Rasulullah, kami mendengar pohon kurma itu menangis seperti tangisan unta betina yang hamil maka Rasulullah turun dari mimbar dan mengusap pohon tersebut.”*

(Hadith Riwayat Bukhari)

Kini, setelah 14 kurun, pada tahun 1446H umat Rasulullah SAW masih kuat kasih sayangnya kepada Baginda. Ia terlihat melalui majlis ilmu dan program selawat. Aktiviti yang bagus ini patutnya tidak terhenti setakat itu, namun ia mesti diperkuatkan lagi dengan mengamalkan tiga perkara ini. **Pertama**, mengelak dari berdusta atas nama Rasulullah SAW. **Kedua**, menjaga maruah Rasulullah SAW. **Ketiga**, sentiasa mengucapkan selawat.

**Pertama**, berbohong atas nama Rasulullah SAW adalah dosa yang sangat besar dalam Islam. Tindakan ini dikenal sebagai *al-kazib ‘ala al-rasul* dan hukumannya adalah sangat berat. Rasulullah SAW sendiri telah memperingatkan dengan tegas tentang berbohong atas namanya. Dalam sebuah hadis sahih, beliau bersabda: “Barang siapa yang berdusta atas namaku dengan sengaja, maka hendaklah dia menempati tempat duduknya di neraka” (Hadis riwayat al-Bukhari & Muslim). Hadis ini menunjukkan bahawa kebohongan atas nama Rasulullah SAW bukan hanya dosa biasa, tetapi dapat membawa pelakunya ke dalam neraka.

Ketegasan yang sama oleh Saidina Abu Bakar terhadap nabi palsu Musailamah Al-Kazzab, menunjukkan bahawa umat Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW perlu berhati-hati dalam menerima sebarang kisah-kisah yang dikaitkan dengan Rasulullah SAW kerana dibimbangi ia dapat menyesatkan umat Islam dan merosakkan kesucian agama.

Salah satu ciri pendusta turut disabdakan oleh Rasulullah SAW dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA. Maksudnya: “Cukuplah seseorang dikatakan pendusta apabila dia menyampaikan apa sahaja yang didengarinya” (Hadis Riwayat Muslim).

Al-Qadhi Iyadh dalam Ikmal al-Mu’lim bi Fawa’id Muslim berkata bahawa maksud pendusta ini ialah siapa sahaja yang menceritakan setiap apa yang didengar, walaupun terdapat padanya kebenaran atau kebatilan. Tambahan pula, terdapat sebuah hadis Riwayat Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud: “Akan datang kepada manusia tahun-tahun yang penuh dengan penipuan dan tipu daya, kata-kata pendusta dibenarkan (diperdayai) dan didustakan percakapan orang yang benar, diberi amanah kepada pengkhianat dan dikhianati orang-orang yang amanah. Kemudian

akan berkata-katalah golongan al-Ruwaibidah. Rasulullah SAW ditanya: Siapakah golongan al-Ruwaibidah? Maka Rasulullah SAW menjawab: Orang yang bodoh lagi fasik berbicara (mengurus) berkaitan perkara umum yang besar." (Riwayat Ibn Majah, Imam Ahmad, dan Al-Hakim)

Di zaman fitnah ini akan muncul banyak kumpulan yang tidak lagi mempunyai sifat malu apabila berdusta. Lebih berat lagi apabila sanggup mendustai atas nama Rasulullah SAW. Umat Islam diingatkan untuk selalu berhati-hati dalam menyampaikan atau menerima sesuatu yang dikaitkan dengan Rasulullah SAW. Jika tidak yakin akan kebenarannya, lebih baik tidak menyebarkannya. Memastikan sumber dan keaslian setiap riwayat adalah sebahagian daripada menjaga amanah ilmu dan kejujuran dalam beragama. Ia juga menunjukkan kecintaan kepada Rasulullah SAW.

**Kedua**, mengasihi Rasulullah SAW boleh dilakukan dengan menjaga maruah Rasulullah SAW. Ia merupakan kewajiban bagi setiap Muslim sebagai bentuk cinta dan penghormatan terhadap nabi terakhir yang diutus Allah SWT. Antara cara untuk menjaga maruah Rasulullah SAW ialah dengan mengikuti sunnah Rasulullah SAW.

Mengamalkan sunnah bukan sahaja dalam ibadat tetapi juga dalam semua perkara kerana Rasulullah SAW telah dianggap sebagai murabbi disebabkan didikan Rasulullah SAW meliputi semua perkara termasuklah dalam urusan keluarga, panglima perang, ketua negara, ketua hakim dan ketua masyarakat. Nabi SAW bersabda:

"Sesungguhnya aku diutuskan sebagai guru."  
(Hadis Riwayat Al-Dailami)

Mengamalkan sunnah Rasulullah SAW tidak sekadar membuktikan cinta kepada Baginda SAW, tetapi mampu memperoleh ganjaran berlipat kali ganda. Daripada Abdullah bin Abbas RA, dikatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Barangsiaapa yang berpegang dengan sunnahku ketika umatku di dalam kerosakan maka baginya ganjaran 100 orang yang syahid." (Riwayat Baihaqi)

Berdasarkan hadis-hadis ini menunjukkan betapa pentingnya mengamalkan sunnah Rasulullah SAW bagi menunjukkan tahap kecintaan kepada Rasulullah SAW walaupun ketika itu rasa sangat terasing disebabkan masyarakat telah rosak dan menjauhi pengamalan sunnah. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: "Islam bermula dalam keadaan asing dan akan kembali dalam keadaan asing sebagaimana ia bermula maka beruntunglah orang yang asing." (Riwayat Muslim)

Selain itu, membela nama baik Rasulullah SAW dari segala bentuk penghinaan atau fitnah adalah tanggungjawab umat Rasulullah SAW. Paling relevan pada ketika ini ialah mendidik generasi muda tentang Rasulullah SAW. Mengajarkan anak-anak tentang kehidupan dan ajaran Rasulullah SAW sejak awal. Menggunakan buku, penceritaan kisah, dan media lainnya yang menggambarkan keteladanan Rasulullah SAW dengan cara yang menarik dan mudah difahami.

Berdakwah dengan cara yang baik dan bijak untuk memperkenalkan keperibadian dan ajaran Rasulullah SAW kepada orang lain adalah salah satu langkah sewajarnya dalam membela nama baik Rasulullah SAW. Dalam hal ini, ia sekaligus dapat membantu masyarakat mengangkat syiar agama Allah SWT.

Begini juga, antara dua sikap iaitu bersikap tegas terhadap penghinaan dan satu sikap lagi menunjukkan Islam sebagai agama damai adalah menunjukkan kedua-duanya berada dalam dua situasi berbeza. Apabila difahami dalam konteks perbincangan menjaga prinsip Islam ketika Islam dihina dan menyebarkan dakwah bil hal dengan menunjukkan Islam adalah agama damai, maka dua isu ini sepatutnya ditangani dalam dua pendekatan berbeza. Namun, ia boleh disatukan jika masih boleh menggunakan saluran undang-undang dan diplomasi selagi keadilan untuk Islam dapat ditegakkan melalui kaedah ini, maka ia mesti digunakan sehingga sampai kepada keadaan penegakkan keadilan melalui jalan ini tidak lagi memberi kesan.

Hal ini memberikan gambaran positif, menunjukkan Islam sebagai agama yang damai apabila kehidupan Muslim ditunjukkan dengan nilai-nilai Islam yang damai dan toleransi seperti yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Begitu juga, menjaga hubungan baik dengan semua orang, termasuk bukan Islam, sebagai cerminan dari ajaran rahmatan lil 'alamin (rahmat bagi seluruh alam) yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

Dengan menjalankan hal-hal di atas, setiap Muslim dapat menyumbang dalam pelbagai jalan untuk menjaga maruah dan nama baik Rasulullah SAW yang akhirnya dengan menjaga hal itu ia mempamerkan ketinggian kecintaan dan penghormatan yang tulus kepada Rasulullah SAW.

**Ketiga**, menjadi umatnya yang banyak berselawat adalah amalan bagi menzahirkan rasa kecintaan kita kepada Rasulullah SAW. Rasulullah SAW bersabda sebagaimana berikut:

“Orang yang paling dekat denganku di hari kiamat nanti adalah orang yang paling banyak berselawat kepadaku.”

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Ubay ibn Ka'b bertanya:

Wahai Rasulullah SAW, sesungguhnya daku banyak berselawat kepadamu maka berapa kalikah daku perlu berselawat kepadamu? Nabi SAW menjawab: Terserah kepadamu. Ubay Ka'b berkata: Jika sebanyak satu perempat dari kehidupanku?

Rasulullah SAW menjawab: Terserah kepadamu, jika dikau tambah jumlahnya maka ia lebih baik. Ubay ibn Ka'b bertanya: Jika separuh dari kehidupanku? Nabi SAW menjawab: Terserah kepadamu, jika dikau tambah jumlahnya maka ia lebih baik.

Ubay ibn Ka'b bertanya: Jika dua pertiga dari kehidupanku? Nabi SAW menjawab: Terserah kepadamu jika dikau tambah jumlahnya maka ia lebih baik. Ubay ibn Ka'b berkata: Wahai Rasulullah, jika begitu daku akan jadikan keseluruhan kehidupanku untuk berselawat kepadamu. Nabi bersabda: Kalau begitu, akan dicukupkan cita-citamu dan akan diampunkan dosa-dosamu.”

Ketika bulan Maulidur Rasul, ia disambut meriah dengan pelbagai acara. Apa pun acaranya selagi acaranya mematuhi syariat Islam, maka seeloknya zahirkanlah rasa kasih sayang dan kerinduan kita kepada Rasulullah SAW dengan amalan ibadah berselawat. Anjuran berselawat telah dirakamkan dalam al-Quran seperti firman Allah SWT:

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat untuk Nabi. Hai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya”.

(Surah Al-Ahzab, ayat 56)

Nabi SAW bersabda:

“Sebakhil-bakhil manusia ialah mereka yang disebut aku di sisinya tetapi tidak mahu dia mengucap selawat ke atasku”

(Hadis Riwayat Tirmizi).

Dalam hal yang sama, Kitab Al-Adzkar merupakan sebuah lagi karya terkenal susunan Al- Imam An-NawawiRH yang meninggal pada tahun 676H. Ia merupakan sebuah kitab himpunan doa-doa dan zikir-zikir yang asalnya berselerakan di kitab-kitab hadis yang besar. Himpunan ini memberi galakan kepada masyarakat untuk melazimi zikir-zikir termasuklah selawat kepada Rasulullah SAW. Sesuai dengan pendekatan para ulama dengan masyarakat, ia menandakan pentingnya setiap individu mempunyai zikir-zikir secara individu supaya dapat menjaga iman dan takwa yang sepatutnya diperbaharui setiap hari. Seperti mana dalam hadis, Rasulullah SAW bersabda:

“Sesungguhnya iman boleh menjadi menjadi lusuh di dalam jiwa sebahagian dari kamu sebagaimana lusuhnya pakaian. Maka mohonlah kepada Allah agar diperbarui iman di dalam hati kamu.”

(Hadis Riwayat al-Hakim dan al-Tabrani)





#DaripadaTintaMembentukJiwa

# Buku Tentemakan Akidah



## JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM




### Akidah Mukmin

Penulis: Dr. Mustafa Haji Daud

Perbincangan dimulai dengan memberi gambaran fungsi akidah dalam pembinaan tamadun yang diikuti dengan penjelasan berkaitan konsep akidah serta huraian berkaitan iman sebagai fitrah semula jadi manusia. Penulis kemudiannya menganalisa rukun iman satu persatu dan melihat pengaruhnya dalam pembinaan tamadun Islam. Selain itu, penulis turut menjelaskan kedudukan akidah sebagai asas kepada pembentukan tamadun Islam dengan mengemukakan persoalan terkini yang mengaitkan punca kegagalan manusia melihat tujuan hidupnya yang dijadikan oleh Allah SWT untuk memakmurkan bumi.

### Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia

Penulis: Dr. Mohd Aizam bin Mas'od



Pelbagai serangan datang untuk mengancam aqidah umat Islam pada alaf yang begitu mencabar dengan ranjau dan mehnah yang harus dibentengi dengan iman dan aqidah yang mantap. Ini kerana aqidah menjadi saraf tunjang bagi individu mukmin dan menjadi syarat sah untuk semua amalan kita. Buku ini memberi kupasan yang komprehensif mengenai isu-isu semasa aqidah merangkumi isu-isu Islam dalam perlumbaan, ajaran sesat, Islam liberal, pluralisme agama, bid'ah, antimazhab, mistisisme, khurafat dan fatwa aqidah semasa. Semoga informasi yang dijelaskan para dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pembaca khususnya umat Islam.




### Kemanisan Iman

Penulis: Dr. Yusof Al-Qardhawi

Manusia tanpa iman ibarat kapal tanpa nakhoda. Kehidupan dan undang-undang semata-mata tidak berdaya mengawal tingkah lakunya. Masyarakat tanpa iman adalah masyarakat tanpa pedoman pengemudi hidupnya. Penulis menjelaskan satu pembohongan yang mendakwa bahawa agama itu penghalang kehidupan. Sebaliknya, bagi kita iman dan agama mempunyai harga yang tinggi dan pengaruh nyata. Buku ini mengandungi 155 topik yang disusun dalam 16 bab.

### Keunggulan Akidah Tauhid

Penulis: Abdul Rashid Mahmud



Diterbitkan untuk mengupas dan membongkar persoalan-persoalan yang berkaitan akidah dengan mengemukakan topik menarik antaranya, pengantar Ilmu tauhid, kemunculan ahli kalam dalam Islam, mengenal Allah, taklid, iman dan Islam. Buku ini juga mengandungi perbahasan mengenai *ilahiyyah* (ketuhanan), *nabawiah*, perkara-perkara *sam'iyyat*, akidah yang terkandung dalam dua kalimah syahadah dan lain-lain lagi.



### Mutiara Berharga pada Menyatakan Aqidah Orang yang Beriman

Penulis: Syeikh Daud bin Syeikh Abdullah Al-Fatani

Allah SWT mengetahui segala rahsia dan segala yang tersembunyi. Hanya pada Allah SWT jua tersimpan segala 'kunci' perbendaharaan segala yang ghaib. Tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Allah SWT sahaja. Dia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melalaikan Dia mengetahuinya, tidak gugur sebutir biji pun dalam kegelapan bumi, tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan semuanya ada tertulis dalam Kitab (Luh Mahfuz) yang terang nyata.

### Membongkar Kekeliruan Firqah Inkar Al-Sunnah

Penulis: Akmal Hj. Mhd. Zain



Kemunculan golongan anti-hadis atau inkar sunnah bukan perkara baharu dalam dunia Islam. Mereka menolak hadis sebagai sumber hukum serta lebih cenderung menggunakan akal fikiran semata-mata. Dengan hujah yang lemah mereka berpendapat hadis-hadis nabi perlu dikaji semula yang menurut mereka hadis merupakan punca perpecahan ummah. Menyedari permasalahan tersebut, maka buku ini diterbit untuk memberikan penjelasan tentang beberapa aspek yang cuba diselewengkan oleh golongan ini di samping berusaha membersihkan dakwaan mereka daripada kalangan masyarakat Islam.



KEDAI BUKU JAKIM



BUKU JAKIM



019-752 8499



03-8870 7446




#DariPadatintaMembentukJiwa

# Buku Dertemakan Akidah




## JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM



### Petunjuk Akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah Jilid 1 dan 2

Penulis: Prof. Ahmad Izzuddin Al-Bayanuni


Akidah merupakan elemen terpenting yang menjadi tunjang keimanan setiap individu muslim. Namun, terdapat banyak kekeliruan yang timbul dalam kalangan masyarakat berhubung persoalan akidah. ia juga merupakan isu yang sering menjadi polemik dalam kalangan masyarakat bagi mengukuhkan kefahaman sahih mengenainya. Susulan itu, buku ini diterbitkan bagi menambah koleksi bahan bacaan dan rujukan untuk menyemarakkan lagi budaya ilmu dalam memahami akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kedua-dua buku ini mengandungi lebih 400 topik yang membincangkan aspek *ulohiyah, nubuwah, ruhaniyah, sam'iyyat* dan sebagainya berkaitan keimanan.



### Roh Menurut Perbahasan Ulama Kalam & Ahli Falsafah

Penulis: Dr. Muhammad Sayyid Ahmad Al-Musayyar


Buku ini diterbitkan untuk membincangkan persoalan-persoalan mengenai apakah yang dimaksudkan dengan roh? Adakah kemampuan manusia untuk mengetahui persoalan roh terbatas kerana ia merupakan urusan Allah? Apakah hukum mengkaji roh? Disamping buku ini dapat menghuraikan segala yang berkaitan roh berdasarkan pandangan ulama kalam dan ahli falsafah yang disokong dengan dalil-dalil dan nas yang sahih. ia juga turut mengupas kekeliruan tentang roh dari sudut perubatan dan ajaran sesat. Jelasnya, buku ini amat sesuai dijadikan bahan rujukan seterusnya menjawab persoalan yang sering ditimbulkan oleh masyarakat.



### Sejarah al-Asha'ri dan Al-Asha'rah di Nusantara

Penulis: Zakaria Stapa, Indriaty Ismail, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Abdul Rahman Mahmood, Mohd Haidhar Kamarzaman & Mohd Faizul Azmi

Buku ini merupakan sebuah karya yang sesuai dijadikan rujukan oleh segenap lapisan masyarakat kerana ia memberi pendedahan mengenai Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang sebenar bagi menjamin kesatuan dan perpaduan masyarakat Islam di Malaysia. Kandungan perbincangannya menyentuh Manhaj Akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah, Al-Asha'ri dan al-Asha'rah, Tokoh-tokoh utama aliran al-Asha'ri dan Asha'rah dan menjawab persoalan berkaitan selain menjadi benteng akidah yang kukuh kepada umat Islam di Nusantara pada masa kini dan akan datang.



### Dedah Fahaman Syiah

Penulis: Dr. Musa Al-Musawi

Buku ini ditulis dengan misi seruan untuk menyedarkan para pengikut ajaran Syiah agar dapat bangun dari tidur yang berterusan selama 1,200 tahun yang lalu. Mereka perlu menghapuskan sikap taksub kepada mazhab dan fahaman yang membawa kemunduran dalam pemikiran, kemasyarakatan dan pegangan agama.



### Terjemahan Al-Aqaid Al-Duriyyah Syarah Matan As-Sanusiyyah

Penulis: Ustaz Al-Kamal As-Sheikh Muhammad Al-Hashimi

Penulisan kitab ini menjelaskan mengenai ilmu-ilmu tauhid yang merangkumi tiga (3) perkara. Pertama, Ketuhanan iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan Allah SWT merangkumi perkara-perkara wajib, mustahil dan harus. Kedua, Kenabian iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan nabi-nabi termasuklah perkara-perkara wajib, mustahil dan harus bagi mereka. Ketiga ialah perkara-perkara Samiyyat. ia merupakan perkara yang hanya diketahui melalui nas-nas naqli semata-mata. Tiada ruang bagi akal untuk mengetahuinya seperti peristiwa perhimpunan di masyar, kembalinya makhluk kepada Allah SWT, syurga dan lain-lainnya.



KEDAI BUKU JAKIM



BUKU JAKIM



019-752 8499



03-8870 7446



# Wakaf Sejuta Al-Quran

# RM38/ SENASKAH

Akaun Bank Islam Malaysia Berhad  
(Yayasan Waqaf Malaysia)

16018010019680

Sebanyak 5% atau apa-apa jumlah % daripada sumbangan adalah caj pengurusan kepada YWM seperti dipersetujui oleh Jawatankuasa Syariah YWM.  
Bagi mendapatkan resit rasmi, sila hantar slip sumbangan ke alamat emel: info@ywm.gov.my / WhatsApp: 019-2007481



[www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my)



Yayasan Waqaf Malaysia

## PELUANG BERIBADAH MELALUI KEMPEN SOLIDARITI SEJUTA AL-QURAN

Firman Allah SWT melalui Surah Ali Imran, ayat 2 yang bermaksud:

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebijikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya."

- Kempen ini adalah suatu inisiatif mengajak orang ramai untuk mewakafkan nilai berjumlah RM38.00 bagi senaskah al-Quran

sebagai tindak balas penuh hikmah Kerajaan terhadap tragedi pembakaran al-Quran di Sweeden

- Inisiatif ini adalah selari dengan pengumuman YAB Perdana Menteri untuk mencetak sebuah naskah al-Quran bertujuan diedarkan ke seluruh dunia
- Jom kita sama-sama berwakaf! Jangan lepaskan peluang anda untuk beroleh & menyebarkan manfaat kebaikan melalui kempen ini seluasnya ke seluruh alam Barakallahufikum